**The Rise S.P. Chelliah jangka siap Nov. 2019** MS 3



**Tarif air negeri terendah di Malaysia** MS 4




PERCUMA

buletin Mutiara

BERSATU DAN SETIA

Cekap Akauntabel Telus

www.buletinmutiara.com

16 – 31 MAC 2015

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Kelajuan WiFi Percuma kini lima kali ganda

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN –** Lambakan trafik membabitkan 20,000 pengguna *Penang Free Wifi* (WiFi Percuma Pulau Pinang) pada satu-satu masa hingga mengakibatkan kepantasan jalur lebar ke internet *(backhaul bandwidth)* kian lembab kebelakangan ini mendorong Kerajaan Negeri menaiktaraf kemudahan tersebut.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, kira-kira 600,000 pengguna berdaftar di negeri ini kini boleh menikmati kemudahan WiFi dengan kelajuan internet ditingkatkan hingga lima kali ganda berbanding dahulu.

"Dengan peningkatan lima kali ganda dalam *backhaul bandwidth* dari 75Mbps (Megabits sesaat) kepada 375Mbps, pengguna perkhidmatan WiFi percuma sekarang akan dapat menikmati kelajuan yang lebih cepat daripada 1Mbps berbanding 512kbps (kilobits sesaat) sebelum ini," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut serta, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Chong Eng (Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat), Law Heng Kiang (Exco Pembangunan Pelancongan), Wong Hon Wai (ADUN Air Itam merangkap Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri), Lau Keng Ee (ADUN Pengkalan Kota), Jeff Ooi Chuan Aun (Ahli Parlimen Jelutong) dan Ng Wei Aik (Ahli Parlimen Tanjung).

Menurut Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih, penarafan kepantasan jalur lebar ke internet yang ditingkatkan kini adalah menyamai kadar 500 peratus berbanding sebelum ini.

Sebelum itu, Presiden merangkap Ketua Pegawai Perniagaan REDtone International Bhd., Shaifubahrim Shah selaku pengendali perkhidmatan sejak enam tahun lepas turut menjelaskan punca perkhidmatan WiFi tersebut yang diakui kurang memuaskan pengguna di negeri ini.

Menurutnya, kepantasan jalur lebar ke internet paling sesak pada sekitar jam 11 pagi hingga 10 malam, disebabkan menerima lambakan lebih 20,000 pengguna pada satu-satu masa.

Difahamkan, Kerajaan Negeri sejak tahun 2009 secara berperingkat membangunkan kira-kira 1,550 *'hotspots'* WiFi Percuma Pulau Pinang meliputi kesemua 40 Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) di negeri ini.

Kini, Kerajaan Negeri mengeluarkan peruntukan tambahan sebanyak RM25,000 lagi atau 19.3 peratus tiap-tiap bulan, menjadikan kos pembiayaan bulanan berjumlah RM154,200 berbanding RM129,200 sebelum ini demi memastikan mutu perkhidmatan WiFi Percuma Pulau Pinang lebih memberi manfaat untuk rakyat di negeri ini.



**DUA Kakitangan Awam menunjukkan laman utama WiFi Percuma Pulau Pinang yang mana kelajuan internet ia ditingkatkan hingga lima kali ganda berbanding sebelum ini.**




## Tiada catuan sebab sumber air mencukupi - KM

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengesahkan bahawa bekalan air di negeri ini masih dalam keadaan sihat dan mencukupi serta tiada catuan akan dilakukan dalam masa terdekat.

"Bekalan air masih sihat dan akan dibekalkan seperti biasa, serta tiada sebarang catuan (bekalan air bersih) walaupun kita turut bimbang dengan musim kemarau," jelasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II) serta beberapa Exco Kerajaan Negeri lain.

Sehingga 23 Mac lalu, Guan Eng memberitahu bahawa 67.9 peratus bekalan air di Empangan Teluk Bahang mampu menampung keperluan penduduk dalam tempoh 207 hari, manakala, 72.5 peratus bekalan air di Empangan Air Itam pula mencukupi dalam tempoh 71 hari.

"Sebanyak 31 peratus (bekalan air) di Empangan Mengkuang pula sebenarnya disengajakan (diturunkan) dalam tempoh dua tahun ini kerana kita (Kerajaan Negeri) dalam proses pelebaran atau pembesaran empangan," jelasnya yang juga Pengerusi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP).

Bagaimanapun, beliau memberitahu, sumber air negeri akan terus mencukupi selagi aras air Sungai Muda berada pada ketinggian 2.5 meter.

"Yang penting sekali adalah Sungai Muda masih pada tahap yang sihat dengan ketinggian air 2.41 meter, (aras) kritikal adalah 1.5 meter," jelas Guan Eng.

# Warga emas terima RM100 bimbang impak GST

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MOHAMAD**



KETUA Menteri diiringi A. Tanasekharan (tiga dari kiri) dan Phee Boon Poh (empat dari kanan) merakamkan gambar dengan para penerima sumbangan RM100 Program Penghargaan Warga Emas Peringkat Parlimen Bagan di sini baru-baru ini.



ZAIRIL Khir Johari (berdiri, dua dari kanan) meneliti prosedur pemprosesan pembayaran sumbangan kepada warga emas di peringkat Parlimennya.

**BAGAN DALAM –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengaku bahawa beliau turut menerima pelbagai reaksi berhubung impak berantai daripada pelaksanaan enam peratus Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) mulai 1 April ini ke atas rakyat terbanyak.

Beliau menyatakan demikian semasa menyertai beberapa majlis pemberian sumbangan RM100 kepada warga emas di bawah Program Penghargaan Warga Emas di sini baru-baru ini.

“Kita pun tahu impaknya dan cadangan untuk menaikkan dari RM100 kepada RM200 ini, kerana ada warga emas yang ditemui tahu bahawa GST ini akan membebankan lagi hidup mereka.

“Kalau dapat RM500 BR1M (Bantuan Rakyat 1Malaysia) pun, enam peratus GST tetap akan menimpa kita semua, tidak kira kita ini adalah orang miskin atau warga emas atau anak yatim dan sebagainya kerana RM500 inipun sebenarnya tidak cukup,” ujarnya kepada wartawan pada Majlis Penyerahan Sumbangan RM100 Kepada Warga Emas Peringkat Parlimen Bagan.

Justeru, Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan sekali lagi menasihatkan Kerajaan Pusat supaya menangguhkan hasrat pelaksanaan GST, yang nyata membebankan rakyat terbanyak di tanah air ini.

“Kerana itu, kita (Kerajaan Negeri) berkali-kali minta Kerajaan Pusat menangguhkan GST, kerana MPSP (Majlis Perbandaran Seberang Perai) dan MPPP (Majlis Perbandaran Pulau Pinang) pun akan dikenakan GST atas urusan perkhidmatan serta perolehannya, walaupun kedua-dua PBT (pihak berkuasa tempatan) ini tidak melaksanakan aktiviti perniagaan komersial,” tegas Guan Eng.

Exco Kebajikan & Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap ADUN Sungai Puyu, Phee Boon Poh dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, A. Thanasekharan turut menyertai sidang media tersebut.

Sementara itu, warga emas, Ang Ah Lean, 71, yang ditemui kemudian mencadangkan Kerajaan Negeri supaya menaikkan sumbangan tahunan untuk warga emas pada jumlah RM200, memandangkan Kerajaan Pusat melaksanakan GST.

“Kita tidak paksa, tetapi kita seronoklah kalau (Kerajaan Negeri) Pulau Pinang boleh tambah RM100 lagi.



ADUN Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin (kiri sekali) membantu dua warga emas mendapatkan sumbangan masing-masing pada majlis peringkat Parlimen Permatang Pauh.

“Sudah lima kali saya terima RM100 ini, kalau boleh naik RM100 lagi menjadi RM200, lagi soronok kerana hidup akan susah (dengan) harga barang akan naik,” ujar Ah Lean, sambil melahirkan penghargaan kepada pentadbiran Guan Eng.

Bagi Munah Yassin, 63, beliau mencadangkan supaya Kerajaan Pusat mengagihkan sumbangan BR1M kepada isteri setimpal dengan jumlah yang suami terima kelak.

“Baguslah sumbangan RM100 kepada warga emas ini kerana saya sendiri yang dapat, BR1M RM500 kalau diterima oleh suami, tidak sampai kepada kita (isteri).

“Pakcik pun warga emas, dia dapat juga RM100, saya pun dapat RM100, tak macam BR1M,” ujar Munah, sambil mengaku bahawa beliau sudah tiga kali menerima RM100 daripada Kerajaan Negeri.

Manakala, G. Givedasan, 64, pula melahirkan rasa bimbang dengan pelaksanaan GST yang dianggap kurang menguntungkan rakyat.

“Saya sudah terima tiga kali, isteri angkat (terima) RM100 dua kali.

“Sumbangan sebegini bagus, tetapi, kadang-kadang Kerajaan Negeri perlu fikir lebih untuk rakyat selepas GST ini, kerana Kerajaan Pusat kata GST O.K. (dan) rakyat kata tak O.K.,” ujar Givedasan bersama-sama isterinya, M.S. Parubathi, 60-an.

Majlis sumbangan RM100 kepada warga emas berdaftar dilangsungkan secara serentak meliputi kesemua 40 Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN).



ANG Ah Lean.



MUNAH Yassin.



G. Givedasan dan isteri.

# Hutang 1MDB, siapa akan bayar? - KM

**AIR PUTIH –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pergeseran politik antara Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dengan Timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin berhubung kontroversi lambakan hutang syarikat pelaburan negara 1Malaysian Development Bhd. (1MDB) adalah tidak penting serta langsung tidak menguntungkan rakyat.

Justeru, Guan Eng yang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih menggesa Putrajaya supaya segera menangani isu tersebut dengan tidak menambah lagi beban hutang negara.

Beliau turut tidak menolak kemungkinan bahawa beban hutang negara ini akhirnya akan ditanggung rakyat, melalui pelaksanaan Cukai Barangan & Perkhidmatan (GST) mulai 1 April ini.

“Wujud konflik antara Muhyiddin dengan Najib atau tidak, itu tidaklah penting.

“Yang lebih penting dalam konflik dengan Perdana Menteri adalah bagaimana untuk menangani krisis 1MDB ini,

“1MDB mengakibatkan '1Malaysia Dalam Bahaya', itu yang lebih penting,” tegasnya pada Majlis Sumbangan RM100 Program Penghargaan Warga Emas Peringkat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Putih di sini baru-baru ini.

Ahli Parlimen Bukit Bendera merangkap Pengarah Eksekutif Penang Institute (PI), Zairil Khir Johari, Wong Hon Wai (ADUN Air Itam merangkap Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri) dan Ramkarpal Singh (Ahli Parlimen Bukit Gelugor) turut menyertai sidang media itu.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan turut mengulas mengenai gesaan Muhyiddin supaya langkah menyelamat *(bail-out)* 1MDB tidak menggunakan dana awam rakyat.

“Muhyiddin buat kali pertama bercakap mengenai *'bail-out'* (langkah menyelamat), maka, Muhyiddin seakan bercakap sesuatu yang cuba disembunyikan oleh Najib.

“1MDB merupakan ancaman pelaburan kewangan yang besar, seakan cuba ditangani melalui langkah menyelamat *(bail-out)*,” tegas Guan Eng lagi.

Katanya, kontroversi 1MDB kini bukan sahaja diperkatakan oleh pemimpin pembangkang, khususnya Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Malah, tegasnya, isu kontroversi tersebut sudah sampai peringkat menggamit perhatian tokoh-tokoh yang pernah berada dalam Kerajaan Pusat, seperti bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad serta Tun Daim Zainuddin (bekas Menteri Kewangan).

Respons Guan Eng ini dibuat semasa Dr. Mahathir dalam kenyataan terkini beliau meneruskan kritikan ke atas 1MDB, iaitu mengaitkan kontroversi tersebut dengan kekayaan keluarga Perdana Menteri, terutama anak tiri Najib bernama Riza Aziz yang didedah mampu membeli hartanah mewah serta membikin filem di Amerika Syarikat baru-baru ini.

Terdahulu, hutang modal berbayar 1MDB kepada pihak asing yang tidak mampu dilangsaikan oleh Kerajaan Pusat didedah sebanyak RM41.9 bilion.

Guan Eng dalam satu forum anjuran PI pada bulan lepas menggesa supaya suatu siasatan terbuka dibuat, lalu direkodkan dalam Laporan Ketua Audit Negara akan datang, tidak seperti dalam laporan terbaru sebelum ini.

“Jika mereka (Kerajaan Pusat) gagal bayar, siapa akan bayar,” soal Guan Eng kepada Najib, yang juga Menteri Kewangan.

# 2,093 rumah The Rise S.P. Chelliah jangka siap Nov. 2019

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN** – Pemajuan 2,093 unit rumah melalui agensi pelaksana Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dengan kerjasama pemaju, Zubicon Sdn. Bhd. (Zubicon) di atas sebidang tanah milik Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) berkeluasan 11.04 ekar dekat Jalan S.P. Chelliah di sini dijangka siap pada bulan November 2019.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri dengan kerjasama pihak pemaju sanggup membina rumah mampu milik di atas tanah bernilai tinggi dalam kawasan bandar George Town di sini sebenarnya demi memenuhi keperluan rakyat di negeri ini.

"Ini adalah lokasi yang paling baik, apa yang kita (Kerajaan Negeri) sebut sebagai 'tanah emas' di kawasan ini, bukan untuk meraih keuntungan, tetapi untuk membina rumah untuk rakyat.

"Pemaju (Zubicon) telah berjaya (dipilih) melalui tender terbuka untuk memperoleh projek ini atas kerjasama serta semangat perkongsian sektor awam dan swasta," ujarnya pada Majlis Pecah Tanah Skim Perumahan Awam Dan Mampu Milik The Rise Di Jalan S.P. Chelliah di sini baru-baru ini.

Ucapan Pengarah Urusan Zubicon Sdn. Bhd., Lim Beng Keong dibaca oleh jurucakapnya.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir), Jagdeep Singh Deo (Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan), Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan) serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam merangkap Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Wong Hon Wai turut hadir pada majlis tersebut.



**KELIHATAN beberapa pegawai PDC mencermati pameran model Rumah Mampu Milik The Rise Jalan S.P. Chelliah yang dibuka serentak dengan majlis pecah tanah di sini baru-baru ini.**



**MODEL perumahan awam dan mampu milik The Rise.**

Hadir sama, ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim, Teh Lai Heng (ADUN Komtar), Lau Keng Ee (ADUN Pengkalan Kota), Soon Lip Chee (ADUN Jawi), Jeff Ooi Chuan Aun (Ahli Parlimen Jelutong), Ng Wei Aik (Ahli Parlimen Tanjung), Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus, Dato' Mokhtar Mohd. Jait (Pegawai Kewangan Negeri), Dato' Patahiyah Ismail (Yang di-Pertua MPPP) serta Datuk Rosli Jaafar (Pengurus Besar PDC).

Sebanyak 770 unit rumah kos sederhana rendah (KSR) berharga RM72,500 seunit akan dibina di Jalan S.P. Chelliah.

Selain itu, bilangan Rumah Mampu Milik pada harga jualan RM200,000, RM300,000 dan RM400,000 yang akan dibina di sini masing-masing berjumlah 883 unit, 165 unit dan 275 unit.

Dalam pada itu, Guan Eng turut merakamkan penghargaan kepada MPPP kerana sanggup menawarkan tanah bernilai tinggi tersebut untuk merealisasikan projek tanggungjawab sosial korporat (CSR), melalui tender terbuka dengan kerjasama pemaju swasta.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, harga jualan semua rumah tersebut adalah garis panduan yang bukanlah ditetapkan Kerajaan Negeri, tetapi oleh Kerajaan Pusat di Putrajaya.

Pembinaan 2,093 rumah di Jalan S.P. Chelliah merupakan salah satu daripada 12 projek perumahan yang menjadi keutamaan Kerajaan Negeri hari ini, demi menyediakan 22,546 unit rumah meliputi kelima-lima daerah.

Lima projek utama tersebut di bahagian pulau Pulau Pinang adalah dekat Jalan S.P. Chelliah, Teluk Kumbar, Jelutong, Pintasan Cecil dan Sandilands.

Manakala, baki tujuh projek utama lain adalah di bahagian Seberang Perai, iaitu dekat Bandar Cassia, Kampung Jawa, Ampang Jajar, Bukit Mertajam, Juru, Mak Mandin dan Ujung Batu.

# Siddiq, Awatif wakil negeri ke Tilawah Al-Quran Kebangsaan

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **PEJABAT YB**

**GEORGE TOWN** - Qari, Muhammad Siddiq Mohd. Rosli dan Qariah, Awatif Abd. Majid dinobat sebagai Johan pada Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Pulau Pinang Ke-58 baru-baru ini di sini.

Kejohanan tersebut melayakkan keduanya mewakili negeri Pulau Pinang ke pertandingan peringkat kebangsaan pada 20 hingga 25 April ini bertempat di Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dalam satu kenyataan medianya berkata, seramai 97 peserta terdiri daripada 54 Qari dan 43 Qariah telah memperdengarkan bacaan masing-masing di peringkat daerah bermula sejak 16 Februari lalu.

"Hanya 12 peserta iaitu masing-masing enam Qari dan Qariah layak ke peringkat akhir termasuk Johan Menunggu," ujarnya pada kenyataan media berhubung keputusan Majlis Tilawah Al-Quran Negeri Pulau Pinang Ke-58 Tahun 1436H/2015M yang berlangsung pada 3 hingga 4 Mac lalu di sini.

Muhammad Siddiq dan Awatif masing-masing menerima wang tunai berjumlah RM5,000, piala, sijil dan pakej menunaikan ibadah haji.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Yang di-Pertua Negeri (TYT) Pulau Pinang, Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus.



**AWATIF Abd. Majid (tiga dari kanan) bergambar kenangan dengan barisan pemenang lain.**



**MUHAMMAD Siddiq Mohd. Rosli (kanan sekali) menerima piala kemenangan daripada Dr. Abdul Rahman Abbas (dua dari kiri) setelah dinobatkan Johan Qari Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Pulau Pinang Kali Ke-58 baru-baru ini di sini.**

Dalam pada itu, Muhammad Umar Syazuli Mohd. Tahir dan Che Noliah Saidin muncul sebagai Naib Johan dan melayakkan mereka membawa pulang wang tunai berjumlah RM4,000, piala berserta sijil.

Wakil dari Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Mohd. Fadzil Ismail dan Nur Shahirah Fatini Mohd. dipilih sebagai pemenang tempat ketiga (RM3,000, piala serta sijil) masing-masing dalam kategori dipertandingkan.

Majlis turut dimeriahkan dengan penyampaian Tazkirah oleh Ustaz Mohd. Aizam dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan persembahan qasidah oleh bekas Johan Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan, Syarifah Khasif Syed Badiuzzaman.

# Tanpa mengira kaum bersatu pulihkan demokrasi – KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA** - Sabitan ke atas Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 10 Februari lepas sepatutnya terus membakar semangat rakyat Pulau Pinang tanpa berbilang kaum untuk memulihkan semula sistem demokrasi berpelembagaan di tanah ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Pulau Pinang di Seberang Perai Arena (SPA) di sini baru-baru ini.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan turut memuji kecekalan isteri Anwar, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail bersama anak-anak kerana sanggup terus mengorbankan perasaan masing-masing ketika Anwar ke penjara kini, demi memulihkan masa depan demokrasi negara.

"Saya berasa amat terharu dan gembira, walaupun Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak bersama kita pada hari ini, isterinya Datuk Seri 'Kak Wan' ada bersama kita sebagai simbol perjuangan rakyat dalam memulihkan sistem demokrasi negara yang kita cintai ini.

"Ingatlah kita, semua rakyat Pulau Pinang tidak kira bangsa Cina, Melayu mahupun India perlulah menjaga antara satu sama lain, membela antara satu sama lain dan kongsi bersama satu sama lain," serunya yang juga Ahli Parlimen Bagan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Yang di-Pertua Negeri (TYT) Pulau Pinang, Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff merupakan tetamu utama keraian tersebut.

Speaker Dewan Undangan Negeri, Dato' Law Choo Kiang, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (Timbalan Ketua Menteri I), Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II) dan Exco-Exco Kerajaan Negeri turut hadir bersama-sama isteri masing-masing.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan isteri serta Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Mokhtar Mohd. Jait dan isteri.

Menurut Guan Eng, pendemokrasian Kerajaan Negeri bukan sahaja menggamit pelabur ke Pulau Pinang, malah turut memberi manfaat kepada 1.6 juta warga negeri melalui program-program Emas.

"Pada tahun 2014, jumlah pelaburan telah meningkat kepada RM8.2 bilion daripada RM3.9 bilion (2013).

"Untuk pengetahuan semua, Kerajaan Negeri telah berjaya meningkatkan pelaburan kepada RM48.2 bilion untuk tempoh masa tujuh tahun di antara 2008 - 2014 berbanding dengan tujuh tahun sebelumnya pada 2001-2007 sebanyak RM24.8 bilion sahaja iaitu peningkatan lebih 93 peratus," ujar beliau.

Rakyat berbilang kaum yang hadir pada majlis rumah terbuka ini bukan sahaja dihiburkan dengan tarian-tarian pentas penuh warna-warni, bahkan, turut berpeluang menikmati pelbagai sajian tradisional enak Pulau Pinang.



**PARA tetamu tidak melepaskan peluang menyantuni Dr. Abdul Rahman Abbas yang hadir pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**



**DR. Abdul Rahman Abbas (lapan dari kanan) ditemani Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyempurnakan upacara *lou sang*.**

## Tarif air baru, masih terendah dalam negara

Oleh : **YAP LEE YING**

**GEORGE TOWN –** Kajian semula tarif air Pulau Pinang berkuatkuasa 1 April ini adalah untuk membina sikap jimat dalam kalangan pengguna dan juga mengelak catuan air di negeri ini.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) dan Perbadanan Bekalan Air Holdings Bhd., Ir. Jaseni Maidinsa pada sidang media di sini baru-baru ini.

Menurutnya, kajian semula tarif air adalah selaras dengan misi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP untuk mengelak catuan air dengan apa cara sekalipun.

"Pulau Pinang menghadapi risiko catuan ketika musim kemarau berlarutan kerana penggunaan air per kapita domestik yang terlalu tinggi.

"Pada tahun 2014, purata penggunaan air per kapita domestik Pulau Pinang adalah 293 liter/kapita/hari (l/k/h) iaitu yang tertinggi di Malaysia. Pada pusingan bulan Januari/Februari 2015, catatan adalah 298 l/k/h.

"Umumnya, purata penggunaan air per kapita domestik kebangsaan adalah 210 l/k/h pada tahun 2013.

"Malah, Singapura yang dibaratkan sebagai 'negara moden' dilengkapi dengan pelbagai kemudahan hanya mencatatkan purata penggunaan air per kapita domestik sebanyak 152 l/k/h pada tahun 2013. Tarif air di republik berkaitan adalah kira-kira 11 kali ganda lebih tinggi daripada Pulau Pinang," jelas beliau.

Jaseni memberitahu, kenaikan tersebut adalah susulan kelulusan yang diperoleh daripada Kerajaan Persekutuan.

"Tahun lalu, PBAPP mengumumkan akan berlaku kajian semula tarif dan cadangan tersebut telah dihantar untuk kelulusan Kerajaan Persekutuan pada Julai 2014.

"Sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang Persekutuan, cadangan tersebut telah disyorkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan diluluskan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), ia telah diwartakan untuk dilaksanakan bermula 15 Februari lalu," ujarnya.

Tambah beliau, walaupun selepas kajian semula tarif, purata tarif domestik untuk penggunaan 35,000 liter air yang pertama adalah RM0.32 bagi setiap 1,000 liter iaitu masih yang terendah dalam negara.

"RM0.32 setiap 1,000 liter adalah kurang daripada 1/3 purata tarif domestik Johor iaitu RM1.05 bagi setiap 1,000 liter.

"Caj minimum untuk bekalan air domestik (RM2.50 sebulan) dan tarif untuk penggunaan domestik 20,000 liter yang pertama sebulan (RM0.22 setiap 1,000 liter) di Pulau Pinang adalah tidak berubah. Caj ini masih yang terendah di negara ini.

"Dengan itu, kira-kira 47.4 peratus pengguna air domestik, yang membayar caj minimum, atau menggunakan kurang daripada 20,000 liter sebulan, tidak akan menerima kesan daripada kajian semula tarif ini," katanya.

Bagi tarif perniagaan, Jaseni memberitahu bahawa untuk penggunaan air 500,000 liter yang pertama sebulan adalah RM1.36 setiap 1,000 liter berbanding purata kebangsaan RM1.45 setiap 1,000 liter.

"Bagaimanapun, ingin dinyatakan, purata tarif perniagaan di Johor iaitu RM2.93 setiap 1,000 liter bagi penggunaan 500,000 liter yang pertama untuk sebulan adalah 2.1 kali lebih tinggi daripada purata tarif di Pulau Pinang.

"Selain itu, purata tarif Pulau Pinang untuk penggunaan band ini (RM1.36 setiap 1,000 liter) adalah juga lebih rendah daripada purata tarif yang dikenakan di Kedah (RM1.40 setiap 1,000 liter) dan di Perak (RM1.60 setiap 1,000 liter)," ujar beliau.

PBA
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (475961-X)
Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
*Meeting all your water supply needs*

**TARIF AIR PULAU PINANG bermula 1 April 2015**

| Penggunaan sebulan (liter – L) | Sebelum 1/4/2015 (RM per 1,000L) | Bermula 1/4/2015 (RM per 1,000L) | Perbezaan | |
|---|---|---|---|---|
| | | | RM/1,000L | Purata % |
| **DOMESTIK** | | | | |
| Caj Minimum | 2.50 sebulan | 2.50 sebulan | 0.00 | |
| 0 – 20,000L | 0.22 | 0.22 | 0.00 | |
| 20,000 – 40,000L | 0.42 | **0.46** | 0.04 | 16.7 |
| 40,000 – 60,000L | 0.52 | **0.68** | 0.16 | |
| 60,000 – 200,000L | 0.90 | **1.17** | 0.27 | |
| > 200,000L | 1.00 | **1.30** | 0.30 | |
| WCS (SURCAJ PENJIMATAN AIR) per 1,000 liter | | | | |
| > 35,000L | 0.48 | 0.48 | 0.00 | 0.0 |
| **DOMESTIK PUKAL** | | | | |
| Caj minimum | 26.00 sebulan | 26.00 sebulan | 0.00 | 0.0 |
| > 90,000L | 0.35 | 0.35 | 0.00 | |
| **PERNIAGAAN** | | | | |
| **KATEGORI PERNIAGAAN BIASA** | | | | |
| Caj minimum | 10.00 sebulan | **12.00 sebulan** | 2.00 | |
| 0 – 20,000L | 0.66 | **0.85** | 0.19 | |
| 20,000 – 40,000L | 0.89 | **1.05** | 0.16 | 18.8 |
| 40,000 – 200,000L | 1.15 | **1.30** | 0.15 | |
| > 200,000L | 1.27 | **1.45** | 0.18 | |
| **KATEGORI PERNIAGAAN KHAS** | | | | |
| Caj minimum | 10.00 sebulan | **12.00 sebulan** | 2.00 | 20.0 |
| Kadar Rata setiap 1,000L | 1.52 | **3.00**** | 1.48 | 97.4 |
| **PERNIAGAAN PERKAPALAN / KATEGORI KIOSK AIR** | | | | |
| Caj minimum | 10.00 sebulan | **50.00*** sebulan** | 40.00 | 400.0 |
| Kadar Rata setiap 1,000L | 2.54 | **7.00***** | 4.46 | 175.6 |

* Isi Rumah 8 orang atau lebih boleh memohon rebat WCS 60%
** Rebat 35% = RM1.95 setiap 1,000 liter bagi kerja-kerja pembinaan/pengubahsuaian.
*** Keperluan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

# PR1MA, "Satu pun tak ada di Pulau Pinang" - Exco

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN** - Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo merakamkan rasa kecewa apabila sekali lagi Pulau Pinang 'dianaktirikan' dalam pembekalan rumah di bawah Skim Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA).

Beliau yang merujuk kepada sebuah artikel berbahasa Inggeris bertajuk, '*119,933 PR1MA units approved for construction so far,* says CEO' dalam akhbar *The Star,* bertarikh 4 Mac 2015 menyatakan bahawa, sekali lagi Pulau Pinang diketepikan apabila Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA, Datuk Abdul Mutalib Alias mengumumkan pembinaan 119,933 unit rumah PR1MA melibatkan 80 buah projek seluruh negara tanpa menyenaraikan Pulau Pinang.



**JAGDEEP Singh Deo menunjukkan keratan akhbar artikel '*119,933 PR1MA units approved for construction so far, says CEO*' pada sidang media di sini baru-baru ini.**

"Senarai tersebut juga termasuk tujuh projek perumahan baru membabitkan pembinaan 7,116 unit rumah di Kuala Lumpur, Perak, Kedah, Johor dan Melaka.

"Satu pun tak ada di Pulau Pinang," tegasnya dalam sidang media yang mendesak supaya menjelaskan situasi sebenar pembinaan PR1MA di negeri ini baru-baru ini.

Jagdeep memberitahu, sehingga kini Kerajaan Negeri masih tertanya-tanya lokasi PR1MA di Pulau Pinang walaupun banyak pengumuman telah dibuat sejak Akta PR1MA 2012 diperkenalkan tiga tahun lalu.

"Saya harap ianya bukan berkaitan politik memandangkan Pulau Pinang di bawah Pakatan Rakyat (PR).

"Seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini, pembekalan perumahan mampu milik terletak di bawah tanggungjawab Pusat, walaupun kita (Pulau Pinang) merupakan negeri kedua terkecil, tetapi kita (Pulau Pinang) juga penyumbang ketiga kutipan cukai terbanyak di Malaysia," jelas beliau.

Terdahulu, Jagdeep turut menyuarakan kekecewaannya terhadap PR1MA yang dilihat seakan-akan melepaskan tanggungjawab menyediakan perumahan mampu milik untuk rakyat Pulau Pinang.

Oleh demikian, Kerajaan Negeri, menurutnya akan terus komited menyediakan rumah mampu milik untuk rakyat Pulau Pinang dari masa ke masa di bawah 12 projek di lima daerah yang dikenalpasti untuk pembinaan 22,545 unit rumah mampu milik.

"Bukan kita sahaja yang menyediakan rumah mampu milik, tetapi pihak pemaju swasta juga mengambil inisiatif menyahut seruan Kerajaan Negeri bagi pembekalan rumah mampu milik di Pulau Pinang.

"Satakat ini, 9,858 unit rumah mampu milik daripada pihak pemaju swasta menunggu kelulusan pembinaan.

"Tidak sampai tiga bulan kita (Kerajaan Negeri) mengumumkan inisiatif ini (pembinaan rumah mampu milik), pihak swasta kemukakan pelan projek, tetapi PR1MA... amat menyedihkan," katanya sejurus selepas selesai majlis penyerahan 200 hamper kepada golongan memerlukan sempena sambutan Tahun Baru Cina di sini baru-baru ini.

Tambah Jagdeep, sejumlah 4,545 unit rumah mampu milik hasil inisiatif khas Kerajaan Negeri akan siap menjelang 2018 dan jumlah tersebut tidak termasuk penyediaan rumah mampu milik oleh pihak swasta dalam tempoh yang sama.

"Dalam erti kata lain, kira-kira 9,000 unit rumah mampu milik akan siap menjelang 2018 untuk rakyat Pulau Pinang yang layak.

"Jumlah tersebut juga tidak termasuk rancangan pembinaan 18,000 unit yang akan dibina melalui perkongsian dengan pihak pemaju swasta dan 20,079 rumah kos rendah dan kos sederhana yang telah dibina sejak tahun 2008," kata Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Berikut adalah senarai projek rumah mampu milik mengikut pecahan daerah:

| Bil. | Projek (Kawasan) | Daerah | Kos Rendah (unit) | Kos Sederhana Rendah (unit) | Kos Mampu Milik (unit) | Jumlah (unit) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Teluk Kumbar | DBD | - | 346 | 348 | 694 |
| 2 | Jelutong | DTL | - | 556 | - | 556 |
| 3 | Lebuh Cecil | DTL | - | 348 | - | 348 |
| 4 | SP Chelliah | DTL | - | 770 | 1,323 | 2,093 |
| 5 | Sandiland | DTL | - | 321 | 482 | 803 |
| 6 | Bandar Cassia | SPS | - | 3,372 | 8,428 | 11,800 |
| 7 | Kampung Jawa | SPU | - | 353 | 354 | 707 |
| 8 | Ampang Jajar | SPU | - | 600 | 600 | 1,200 |
| 9 | Mak Mandin | SPU | 220 | - | - | 220 |
| 10 | Bukit Mertajam | SPT | - | 408 | 408 | 816 |
| 11 | Juru | SPT | - | 800 | 800 | 1,600 |
| 12 | Ujung Batu | SPU | 600 | - | 1,108 | 1,708 |
| **JUMLAH BESAR** | | | **820** | **7,874** | **13,851** | **22,545** |

Berikut merupakan status terkini projek perumahan pelbagai kos di Pulau Pinang mengikut kawasan :

| Bil. | Projek (Kawasan) | Jumlah (unit) | Jangkaan Memulakan Kerja (COW) | Bilangan Unit yang Dijangka Siap (Mengikut Tahun) | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 & berikut-nya |
| 1 | Teluk Kumbar | 694 | Julai 2014 | | 694 | | |
| 2 | Jelutong | 556 | Disember 2015 | | | 556 | |
| 3 | Lebuh Cecil | 348 | September 2015 | | | 348 | |
| 4 | SP Chelliah | 2,093 | Disember 2014 | | | | 2,093 |
| 5 | Sandiland | 803 | Jun 2016 | | | | 803 |
| 6 | Bandar Cassia | 11,800 | Disember 2013 | 520 | | 520 | 10,760 |
| 7 | Kampung Jawa | 707 | November 2014 | | 707 | | |
| 8 | Ampang Jajar | 1,200 | November 2015 | | | 1,200 | |
| 9 | Mak Mandin | 220 | Disember 2015 | | | | 220 |
| 10 | Bukit Mertajam | 816 | Disember 2016 | | | | 816 |
| 11 | Juru | 1,600 | Jun 2017 | | | | 1,600 |
| 12 | Ujung Batu | 1,708 | Disember 2016 | | | | 1,708 |
| **JUMLAH BESAR** | | **22,545** | | **520** | **1,401** | **2,624** | **18,000** |

# Kenapa kenyataan rasis Mashitah tiada 'tindakan', soal KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mempersoal kewibawaan Putrajaya terutama Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang dilihat langsung tidak mengambil tindakan ke atas kenyataan berbaur perkauman oleh beberapa pemimpin negara, belakangan ini.

Gesaan itu sebagai respons pada isu tiada tindakan perundangan ke atas Dr. Mashitah Ibrahim, walaupun bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenaan baru-baru ini dilaporkan menuduh orang Cina membakar cebisan Al-Quran di Pasar Besar Alor Setar, Kedah untuk upacara sembahyang.

Justeru, Guan Eng menggesa Putrajaya supaya membendung politik perkauman melampau, serta kembali mengamalkan kesederhanaan tulen sebagaimana dilakukan oleh pemimpin Kerajaan Negeri di Pulau Pinang.

"Di Pulau Pinang, tak kira Melayu atau Cina atau India, kita (Kerajaan Negeri) pilih jalan sederhana.

"Masalahnya, orang-orang yang tak ambil jalan sederhana dengan mengeluarkan kenyataan sentimen perkauman, mengapa tidak ada apa-apa tindakan.

"Kalau tidak, esok lebih ramai lagi akan membuat kenyataan ekstrem," tegas beliau kepada wartawan, selepas Majlis Pecah Tanah Skim Perumahan Awam Dan Mampu Milik The Rise Di Jalan S.P. Chelliah di sini baru-baru ini.

Dalam perkembangan sama, Guan Eng turut mempersoal kewibawaan Putrajaya yang dilihat langsung tidak mengambil tindakan ke atas Menteri Pertanian dan Indusri Asas Tani, Datuk Sri Ismail Sabri Yaakob, yang beberapa kali mengeluarkan kenyataan rasis, antaranya adalah gesaan memboikot perniagaan Cina di tanah air ini.

*Sambutan Hari Wanita Sedunia 2015 Peringkat Negeri Pulau Pinang.*

# Perjuangkan hak wanita tanpa prejudis




CHOW Kon Yeow (barisan depan, sembilan dari kanan) dan Steven Sim Chee Keong (empat dari kanan) bersama-sama jawatankuasa penganjur menunjukkan replika tertera mesej-mesej perjuangan hak-hak wanita pada Sambutan Hari Wanita Sedunia 2015 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri menganggap golongan wanita yang mewakili hampir 49 peratus daripada komposisi penduduk Malaysia sebagai rakan strategik dalam pembangunan negeri.

Perkara tersebut dinyatakan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow ketika hadir merasmikan Sambutan Hari Wanita Sedunia 2015 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Menyedari wanita sebagai aset penting kepada negara, beliau menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri akan terus komited memastikan golongan wanita di negeri ini tidak dipinggirkan mahupun dilupakan dalam arus pembangunan semasa di negeri ini.

"Tiada siapa yang boleh menafikan bahawa masyarakat kita dibina atas pengorbanan yang telah dibuat oleh golongan wanita dalam kehidupan termasuk ibu kita, adik-beradik kita, nenek, ibu saudara, sepupu dan anak-anak perempuan kita.

"Hari ini, kita bukan sahaja meraikan kekuatan dan daya tahan wanita, malah juga memperjuangkan hak-hak wanita tanpa prejudis dengan menyerlahkan lagi golongan wanita sebagai aset terpenting negara," katanya yang turut hadir bersama isteri, Tan Lean Kee.

Hadir sama pada sambutan tersebut, Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim dan jawatankuasa penganjur dari Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dan *Women's Centre for Change* (WCC).

Bersempena sambutan tersebut, pelbagai acara menarik dirangka sepanjang bulan Mac termasuk Bengkel Keharmonian Keluarga Tanggungjawab Bersama, Karnival Usahawan Wanita Pulau Pinang, Seminar Asas Kaunseling, Seminar Anti-Buli, pelancaran perkhidmatan mamogram percuma, *Mammo Penang* dan Taklimat Kesedaran Gender yang dikelola sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri, PWDC, WCC dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Kon Yeow kemudian turut menyeru supaya kaum lelaki juga harus menjadi sebahagian daripada perjuangan melawan keganasan, diskriminasi dan prejudis terhadap golongan wanita.

"Hak-hak wanita juga adalah hak-hak asasi kemanusiaan, oleh itu kita harus berhenti berkata "Ini adalah masalah wanita, bukan masalah saya" dan menyedari bahawa apabila wanita menderita, maka masyarakat juga akan turut menderita," tegas beliau.

Dalam pada itu, Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng ketika ditemui memberitahu bahawa golongan wanita akan diberi keutamaan dan peluang dalam pelbagai lapangan termasuklah perolehan maklumat, pentadbiran, bantuan dan kursus berkaitan keusahawanan serta pemberdayaan wanita.

"Golongan wanita tidak pernah dipinggirkan oleh Kerajaan Negeri, malah mereka (wanita) sentiasa diberi pelbagai ruang dan peluang untuk menyertai program yang direka khas bagi pembangunan, peningkatan kemahiran dan pengetahuan," jelas beliau.

Tambah Chong Eng, walaupun peranan wanita dalam masyarakat kini cukup terserlah dan amat penting dalam rancangan pembangunan jangka panjang negara, masih terdapat beberapa isu yang masih membimbangkan.

"Secara kasarnya, keganasan rumah tangga dianggap sebagai satu bentuk jenayah yang lebih mengancam kaum wanita berbanding kaum lelaki.

"Oleh demikian, saya ingin menyeru semua pihak termasuk NGO (badan bukan kerajaan) untuk sama-sama memainkan peranan melindungi wanita dan memartabatkan maruah golongan ini.

"Ia amatlah bertepatan dengan tema sambutan tahun ini iaitu *#MakeItHappen* atau #JadikanKenyataan dengan memfokuskan beberapa kepentingan berkaitan penglibatan wanita dan kesamarataan gender," ujarnya.

Hari Wanita Sedunia disambut pada 8 Mac setiap tahun sejak 1911. Bagaimanapun, di Malaysia, Hari Wanita Sedunia mula diraikan semenjak tahun 1962 sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan, pengorbanan dan penglibatan golongan wanita kepada pembangunan negara.



AHLI Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari (lima dari kiri) bergambar kenang-kenangan dengan golongan wanita ketika mengedarkan kuntuman bunga sempena sambutan hari istimewa berkaitan.



ADUN Paya Terubong, Yeoh Soon Hin (lima dari kanan) bersama-sama ahli jawatankuasa dan golongan wanita yang diraikan masing-masing menunjukkan kuntuman bunga diterima.



AHLI Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim (kanan) memeluk erat salah seorang penduduk yang menerima sumbangan bunga daripada beliau pada Majlis Sambutan Hari Wanita anjurannya baru-baru ini.



ADUN Batu Maung, Dato' Abdul Malik Abul Kassim (kanan sekali) menyampaikan sekuntum bunga kepada warga emas di Pasar Awam Bayan Baru.



AHLI-ahli jawatankuasa penganjur program sumbangan bunga kepada golongan wanita bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Maung bergambar kenangan dengan Dato' Abdul Malik Abul Kassim (tiga dari kanan).

# Tech-Dome Pulau Pinang untuk generasi hadapan




KETUA Menteri menyaksikan penyerahan cek RM100,000 masing-masing daripada Globetronics Technology Bhd. dan Inary Technology Sdn. Bhd. untuk tujuan pembangunan infrastruktur Tech-Dome Pulau Pinang pada sidang media di sini baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri dengan kerjasama sektor swasta akan memajukan Tech-Dome Pulau Pinang bernilai RM25 juta di tapak asal dewan kubah dekat Komtar di sini, yang dijangka siap pada tahun depan.

Ketua Menteri, YAB Tuan Lim Guan Eng berkata, semua reka bentuk serta ciptaan terbaru dalam bidang sains dan teknologi akan ditempatkan di Tech-Dome Pulau Pinang agar menjadi sumber inspirasi generasi masa depan.

"Kita (Kerajaan Negeri) sangat percaya bahawa sains dan teknologi begitu kritikal untuk pembangunan peradaban masa depan Pulau Pinang.

"Kalau dilihat pada kegemilangan tamadun terdahulu sekalipun, seperti (peradaban) Islam, China, kedua-duanya gemilang di dunia kerana memimpin pembangunan sains dan teknologi.

"Kita tidak mempunyai sumber semulajadi...salah satu bidang yang kita (Kerajaan Negeri) mesti berusaha untuk mengubah adalah dengan menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat kecemerlangan sains dan teknologi untuk generasi masa depan," jelasnya kepada wartawan di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy turut menyertai sidang media tersebut.

Pada majlis sama, Guan Eng turut menyaksikan wakil dua syarikat korporat, Globetronics Technology Bhd. dan Inary Technology Sdn. Bhd. masing-masing menyumbang RM100,000 kepada Penang Tech Centre Bhd., selaku pihak yang bertanggungjawab ke atas Tech-Dome Pulau Pinang.

Difahamkan, Tech-Dome Pulau Pinang sebelum ini turut menerima tajaan daripada pelbagai pihak swasta serta perseorangan yang keseluruhannya kini berjumlah kira-kira RM17.7 juta.

Pihak swasta terbabit antaranya *IJM Corporation, Intel Corporation* dan Intel *Foundation, Phison Electronics,* Nationgate Teknologi, *Mah Sing Group, Ideal Properties Group,* Hotayi Elektronik, Tian Siang Premium Auto, *Hwang Investment Management,* MEI dan CS Tang.

Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) turut menyerahkan dana awalan berjumlah RM1.15 juta kepada Tech-Dome Penang, disusuli sumbangan tambahan berjumlah RM4 juta lagi kemudiannya.

Selain penubuhan Tech-Dome Pulau Pinang, Kerajaan Negeri sebelum ini turut menubuhkan Kafe Sains Pulau Pinang (PSC) di Wisma Wisma Yeap Chor Ee dekat Pengkalan Kota serta Pusat Pembelajaran Karpal Singh Pulau Pinang (KSPLC) dekat Seri Delima atas tujuan melahirkan generasi celik sains dan teknologi pada masa hadapan.



MOHD. Rashid Hasnon (tiga dari kanan) mengadakan lawatan ke salah sebuah gerai pameran selepas merasmikan Karnival Usahawan Flora (Orkid) Ke-2 di sini baru-baru ini.

# Jadikan usahawan flora punca rezeki - Rashid

Oleh : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT MERTAJAM** – Karnival Usahawan Flora (Orkid) Ke-2 yang berlangsung selama 10 hari baru-baru ini berjaya mengumpulkan lebih daripada 3,000 jenis orkid untuk tatapan umum di sini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata, jumlah tersebut walau bagaimanapun adalah sedikit sekiranya dibandingkan dengan jumlah keseluruhan jenis orkid yang terdapat di dunia iaitu kira-kira 50,000 jenis.

"Justeru, berdasarkan peluang yang luas, Kerajaan Negeri menggalakkan agar masyarakat setempat dapat mengambil peluang untuk menjadikan usahawan flora ini sebagai punca rezeki terutamanya dalam membuka peluang pekerjaan kepada generasi muda," katanya pada Majlis Perasmian Karnival Usahawan Flora (Orkid) Ke-2 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, Huzaimi Ghazali (Ketua Penolong Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan, SPS) dan Roziyah Shariff (Ketua Penolong Pegawai Daerah Seberang Perai Utara, SPU).

Karnival berkenaan adalah anjuran Pejabat Timbalan Ketua Menteri I dengan kerjasama Persatuan Pelancongan dan Warisan Melayu Pulau Pinang.

# Abdul Latif pemegang lesen penjaja khas 2015 Line Clear

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bersetuju memberikan lesen penjaja khas untuk tahun 2015 sahaja atas nama Abdul Latif Thulkarunai sebagai pengendali Warung Nasi Kandar Line Clear, sehinggalah ada suatu deklarasi baru daripada mahkamah.

Terdahulu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri tidak akan mencampuri perbalahan keluarga berwajib dalam menuntut hak menguruskan warung nasi kandar Line Clear, yang kini dirujuk ke mahkamah.



CHOW Kon Yeow (kanan sekali) menyerahkan lesen penjaja bagi tahun 2015 kepada Abdul Latif Thulkarunai (dua dari kanan) sambil disaksikan Ketua Menteri, Patahiyah Ismail (dua dari kiri) pada sidang media di sini baru-baru ini.

Bagaimanapun, jelasnya, MPPP masih mengeluarkan Lesen Gerai Atas Tanah Persendirian 2015 atas nama Abdul Latif kerana gerai makan tersebut merupakan salah satu identiti pelancongan bagi negeri ini.

"Kerajaan Negeri tidak pernah berhasrat menutup terus Nasi Kandar Line Clear, tetapi, mahu ia diurus oleh pemegang lesen yang sah sahaja," tegasnya pada sidang media khas di sini baru-baru ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Dato' Patahiyah Ismail (Yang di-Pertua MPPP) dan Ir. Ang Aing Thye (Setiausaha MPPP) serta Datuk Seri Nazir Ariff Mushir Ariff turut menyertai sidang media tersebut.

Guan Eng mengulas sedemikian ekoran langkah Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) menyerbu serta mengosongkan Line Clear sekitar jam 4 pagi baru-baru ini susulan mendapati pengendalinya berniaga tanpa lesen berwajib bagi tahun 2015.

"Tindakan penguatkuasaan MPPP itu adalah berdasarkan Undang-Undang Kecil Penjaja 1979 dan saya pun tidak faham mengapa perkara ini telah bertukar menjadi satu isu yang menghentam Kerajaan Negeri.

"Kerajaan Negeri tiada minat untuk mencampuri isu perbalahan keluarga ini dan biarlah ia diputuskan oleh mahkamah saja," jelasnya.

## Ralat Pengarang :

Terbitan Buletin Mutiara edisi Mac 1 - 15, 2015 bertajuk **'Tiada Hasrat Tutup Line Clear - KM'.**

Terdapat kesilapan fakta pada perenggan terakhir.

Sepatutnya ia berbunyi :

Sebelum ini, pihak MPPP juga telah mengeluarkan lesen tahunan berdasarkan sistem giliran.

Difahamkan, MPPP bersetuju memberikan lesen penjaja khas untuk tahun 2015 sahaja atas nama Abdul Latif Thulkarunai, sehinggalah ada suatu deklarasi baru daripada mahkamah.

Berhubung perintah mahkamah, Guan Eng berkata, pihak majlis akan menghormati keputusan itu.

Kapsyen :
CHOW Kon Yeow (kanan sekali) menyerahkan lesen penjaja bagi tahun 2015 kepada Abdul Latif Thulkarunai (dua dari kanan) sambil disaksikan Ketua Menteri, Patahiyah Ismail (dua dari kiri) pada sidang media di sini baru-baru ini.

Segala kesilapan dan kesulitan dihadapi pihak berkaitan adalah amat dikesali.

Sekian, terima kasih.

# Bkt. Bendera mampu jadi pusat pelancongan kekal alam semulajadi



PARA jemputan menuruni tangga sambil menikmati pemandangan indah negeri Pulau Pinang selepas selesai Majlis Perasmian *'The Skywalk'* Bukit Bendera di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**BUKIT BENDERA** - Pengunjung yang mengunjungi Bukit Bendera kini boleh menikmati keindahan panorama Bandaraya George Town dari geladak tinjau *(viewing deck)* baharu *'The Skywalk'* yang terletak kira-kira 750 meter dari aras laut.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, projek *'The Skywalk'* bernilai RM1.4 juta dijangka menjadi ikon pelancongan negeri sekaligus menggamit kehadiran pelancong dari dalam dan luar negara ke sini.

"Dari geladak tinjau ini, pengunjung dapat menikmati panaroma indah Bandaraya George Town dan Seberang Perai sambil menghirup udara nyaman Bukit Bendera

"Kerja-kerja membina *'The Skywalk'* sejak setahun lalu ini merupakan sebahagian dari fasa dua projek menaiktaraf stesen atas Bukit Bendera yang membabitkan tiga peringkat kerja-kerja menaiktaraf termasuk mewujudkan sebuah taman.

"Begitu juga kerja-kerja penstabilan cerun, menaiktaraf laluan pejalan kaki dan kawasan takungan baru telah disiapkan," ucapnya pada Majlis Perasmian Geladak Tinjau Bukit Bendera di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai dan ADUN Kebun Bunga, Cheah Kah Peng.

Ketua Pegawai Operasi Perbadanan Bukit Bendera (PHC), Dato' Ng Wee Kok dan Dr. Lawrence Khoo (Pengurus Besar PHC) turut sama pada majlis perasmian tersebut.

Menurut Guan Eng, kerja-kerja peringkat tiga seperti penyediaan lif, galeri muzium dan kafe dijangka siap menjelang akhir bulan Mac ini.

"Fasa satu merupakan kerja-kerja menaiktaraf stesen bawah dan laluan pejalan kaki bertingkat menuju ke Medan Selera Astaka yang telah siap pada 2013.

"Fasa tiga pula merangkumi pembinaan sebuah kafe sains teknologi, taman permainan kanak-kanak, gerai serbaneka, ATM (mesin juruwang automatik), pengurup wang dan kedai cenderamata.

"Semua kemudahan ini dibangunkan demi menampung peningkatan bilangan pelancong ke Bukit Bendera," jelas beliau yang memberi jaminan bahawa pembangunan dilaksanakan tidak akan menjejaskan ekosistem, flora dan fauna di sini.

Malah, Guan Eng yakin bahawa Bukit Bendera mampu menjadi pusat pelancongan bukit popular dalam negara yang masih mengekalkan persekitaran semulajadi.



PANORAMA George Town dari *'The Skywalk'* Bukit Bendera.




(Sumber : Perbadanan Bukit Bendera).

## Penduduk Kg. Pmtg. Tepi Bendang terima surat tawaran rumah

Gambar : **LAW SUUN TING**

**BATU MAUNG** - Sejumlah 42 keluarga di Kampung Permatang Tepi Bendang menerima surat tawaran pembelian rumah kos rendah bernilai RM42,000 seunit di pangsapuri Ara Green, Jalan Kampung Batak di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Malik Abul Kassim berkata, penyampaian tersebut adalah melibatkan penduduk di Lot 211 dan Lot 1405, Mukim 12, Permatang Damar Laut.

"Penyerahan surat tawaran ini adalah sebahagian daripada pampasan bagi projek pembangunan semula di kawasan ini setelah pemilik asal menjualnya kepada pemaju.

"Sebagai wakil rakyat, sememangnya kita sentiasa memantau dan mahu membantu menyelesaikan masalah dihadapi penduduk.

"Malah, sebelum inipun kita telah menyelesaikan isu sama dihadapi penduduk Kampung Permatang Tepi Laut dengan pemaju," katanya yang juga merupakan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ketika ditemui pada Majlis Serahan Surat Tawaran Rumah Kos Rendah kepada penduduk terlibat di sini baru-baru ini.

Jelas Abdul Malik, semua penduduk yang terlibat diberi keutamaan oleh Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (SPEC) dalam proses pemilihan.



ABDUL Malik Abul Kassim (tengah, berkemeja putih) menerangkan prosedur lanjut penerimaan tawaran kepada sebahagian penerima pada Majlis Serahan Surat Tawaran Rumah Kos Rendah di sini baru-baru ini.

"Walaupun kita tidak akan paksa penduduk untuk menerima surat tawaran ini, kita hanya membantu memberi alternatif memandangkan pihak pemaju sendiri telah bersetuju untuk tunggu sehingga proses pemberian pampasan selesai.

"Kita sedar bahawa rumah merupakan keperluan yang sangat penting dan saya sendiri sedaya-upaya cuba untuk mendapatkan unit-unit rumah di Ara Green sebagai ganti," ujarnya.

Menurut beliau, pangsapuri Ara Green yang terletak di Sungai Ara mempunyai 334 unit kos rendah dan 80 unit kos sederhana rendah dengan keluasan 650 kaki persegi serta berkemungkinan siap sepenuhnya menjelang pertengahan tahun ini.

## Enam syarikat disenarai pendek pembida PIP

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**



CHOW Kon Yeow (kiri) bersama-sama Ir. Lim Thean Hen pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Enam syarikat disenarai pendek sebagai pembida berpotensi bagi rakan pelaksana projek (PDP) Rancangan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIP) berjumlah RM27 bilion baru-baru ini.

Perkara tersebut diumumkan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow pada majlis sidang media khas yang diadakan di sini.

Hadir sama, Koordinator Pelaksana PIP, Ir. Lim Thean Heng.

Kon Yeow berkata, enam syarikat tersebut telah mengemukakan tawaran selepas bidaan bagi Permintaan Untuk Cadangan (RFP) yang ditutup pada 16 Februari 2015.

Jelasnya, daripada enam pembida tersebut, tiga (daripadanya) adalah syarikat awam yang disenarai di Bursa Saham dan syarikat asing (2).

"Kerajaan Negeri akan mengambil masa lebih kurang dua hingga tiga bulan untuk mengkaji semua cadangan yang diterima sebelum melantik pembida yang berjaya.

"Beberapa kriteria perlu dinilai dengan teliti dari segi teknikal, kedudukan kewangan syarikat-syarikat berkenaan dan juga kemahiran mereka (syarikat-syarikat) dalam mengendalikan projek-projek seumpamanya sebelum ini.

"Kita telah melantik sebuah syarikat konsultan bagi menjalankan tanggungjawab pemilihan ini. Diharap satu pengumuman khas dapat dibuat menjelang Mei nanti," ujar beliau.

PIP merupakan sebahagian daripada sistem pengangkutan awam bersepadu yang holistik bertujuan menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas.

Ianya adalah termasuk cadangan sistem rangkaian pengangkutan awam yang lebih menyeluruh seperti pembinaan transit aliran ringan (LRT), perkhidmatan bas awam, terowong dasar laut yang menghubungkan pulau dengan tanah besar dan sistem perluasan jalan utama.

Ketika ditanya berhubung PDP yang bakal dilantik, Kon Yeow memberi respons bahawa, pada asal rancangan, hanya satu PDP bakal dilantik, tetapi memandangkan PIP adalah projek besar-besaran, kemungkinan besar ia bakal melibatkan dua atau lebih PDP .

"Kita (Kerajaan Negeri) akan mempertimbangkan jumlah PDP yang sepatutnya dilantik.

"Memandangkan ini (PIP) adalah projek besar-besaran yang merangkumi pelbagai pakej, pecahan kerja-kerja mungkin akan dilakukan," jelasnya.

# Pelebaran empat persimpangan kurang 15% kesesakan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **MARK JAMES**

**PULAU TIKUS –** Pelebaran sebahagian laluan di Jalan Gottlieb, Jalan Mount Erskine, Jalan Bagan Jermal dan Jalan Burma di sini dilihat mampu mengurangkan masalah kesesakan lalulintas sehingga 15 peratus di kawasan berkenaan.

Perkara itu dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika hadir merasmikan pembukaan rasmi jalan-jalan terbabit di sini baru-baru ini.

Jelasnya, projek pelebaran dan menaiktaraf sebahagian jalan-jalan berkaitan adalah projek interim yang dilaksanakan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bagi mengurai kesesakan lalulintas di sini.

"Jalan Bagan Jermal dan Jalan Mount Erskine merupakan laluan arterial penting dan menampung isipadu aliran lalulintas yang sangat tinggi.

"Setiap hari, lebih daripada 50,000 buah kenderaan melalui kawasan ini dan kesesakan seringkali berlaku terutama ketika waktu-waktu puncak.

"Dengan siapnya projek ini, dijangkakan sebanyak 15 peratus kesesakan lalulintas dapat dikurangkan di samping menambahbaik keberkesanan lampu isyarat di kawasan ini sebanyak 10 peratus lagi," katanya pada Majlis Perasmian Pembukaan Sebahagian Laluan Di Jalan Gottlieb, Jalan Mount Erskine, Jalan Bagan Jermal dan Jalan Burma yang dilebarkan di sini baru-baru ini.

Tambah Guan Eng, projek yang bermula pada 15 April 2014 tersebut siap lebih awal dari dijadualkan iaitu, sepatutnya siap bina pada 28 Februari 2015, tetapi telah siap 10 hari awal.

"Selain menambah satu lorong lalulintas di Jalan Bagan Jermal dan satu lorong lalulintas di Jalan Mount Erskine, projek bernilai RM2.426 juta ini turut merangkumi pemasangan lintasan pejalan kaki berlampu isyarat di Jalan Bagan Jermal serta menaiktaraf sistem peparitan dan laluan pejalan kaki.

"Semua ini adalah untuk rakyat, untuk keselesaan rakyat. Malah Kerajaan Negeri dan MPPP kini giat melaksanakan pelbagai inisiatif secara jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang bagi memberi keselesaan kepada pengguna jalanraya di Pulau Pinang," jelasnya.

"Ini adalah untuk menampung jumlah kenderaan di Pulau Pinang yang kini mencapai 2.4 juta unit dengan populasi hanya 1.7 juta orang. Jumlah itu tidak termasuk kenderaan dari luar Pulau Pinang," jelasnya.

Bagi tahun 2015, MPPP telah memperuntukkan RM69 juta untuk kajian dan pelaksanaan projek-projek pembinaan, pelebaran dan menaiktaraf jalan.

Pengumuman akan dibuat secara berperingkat melalui sistem tender terbuka.



**KETUA Menteri (tengah) bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menunjukkan tanda bagus pada Majlis Perasmian Pembukaan Sebahagian Laluan Di Jalan Gottlieb, Jalan Mount Erskine, Jalan Bagan Jermal dan Jalan Burma yang dilebarkan di sini baru-baru ini.**

## Naiktaraf Pasar Lebuh Campbell, bancian guna pendekatan GRPB

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**



**STRUKTUR binaan zaman kolonial Pasar Lebuh Campbell.**

**GEORGE TOWN** – Dalam inisiatif membaikpulih dan menaiktaraf Pasar Lebuh Campbell untuk bersifat inklusif, persekitaran lestari, menjana ekonomi dan mengekalkan ciri-ciri warisan negeri, satu bancian akan diadakan bagi menzahirkan situasi yang lebih menyenangkan semua pihak di sini.

Menurut Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, proses tersebut akan mengambil pendekatan Bajet Responsif Gender dan Partisipatori (GRPB) iaitu sebuah projek di bawah Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) yang telah dijalankan sejak 2012 di Pulau Pinang.




**LAKARAN grafik konsep cadangan naiktaraf Pasar Lebuh Campbell.**

"GRPB membawa pendekatan bahawa rakyat dilihat sebagai rakan kongsi yang terlibat sama dalam proses membuat keputusan untuk usaha pembangunan terutamanya terhadap perkara-perkara yang melibatkan keperluan awam seperti projek pembangunan semula pasar ini.

"Proses partisipasi ini diharapkan dapat meningkatkan rasa milikan, tanggungjawab dan kebanggaan rakyat kerana suara mereka didengari dan diambilkira dalam proses menaiktaraf dan membaikpulih pasar ini.

"Secara tidak langsung, setiap yang mengambil bahagian mendapat manfaat daripada pembangunan semula pasar tersebut dan dapat menaikkan semangat rakyat untuk menjaga pasar dengan sebaik-baiknya," jelasnya pada Majlis Partisipasi Rakyat Untuk Projek Menaiktaraf dan Membaik Pulih Pasar Lebuh Campbell di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Yang di-Pertua MPPP, Dato' Patahiyah Ismail, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lei Heng dan Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik.

Objektif membaikpulih dan menaiktaraf Pasar Lebuh Campbell adalah bagi mewujudkan pasar bersifat mesra rakyat yang peka gender dan orang kurang upaya (OKU).

Di samping itu, ia juga bertujuan menjadikan pasar berkaitan lebih bersih, hijau, selamat dan sihat, menjana serta meningkatkan ekonomi setempat, menjadi pusat tumpuan ramai sebagai sebahagian daripada warisan Pulau Pinang.

Kon Yeow memberitahu, proses partisipasi berkenaan bakal menumpukan kepada kumpulan sasaran wanita dan lelaki iaitu pelanggan, peniaga pasar, peniaga rumah kedai dan komuniti setempat.

"Skop bancian menjurus kepada aspek infrastruktur dan bangunan berdasarkan keperluan gender dan kumpulan yang berlainan dalam komuniti, ekonomi dan juga sosial.

"Malah, projek ini juga turut fokus untuk menggalakkan peniaga dan kontraktor wanita sekurang-kurangnya minima 30 peratus daripada jumlah keseluruhan," jelas beliau.

Proses partisipasi masyarakat tersebut mempunyai empat fasa iaitu bermula dari bulan Mac hingga Jun 2015 sebelum kerja-kerja pelaksanaan lanjut dijalankan.

## Lantik Think City baikpulih bangunan warisan Lebuh Kimberley

**GEORGE TOWN –** Bagi tujuan memulihara struktur warisan di Lebuh Kimberley, Kerajaan Negeri dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bersetuju melantik Think City Sdn. Bhd. (Think City) melaksanakan Projek Membaikpulih Bagunan-bangunan bernombor 94, 96, 98, 100, 102 dan 102A di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir melawat enam struktur berkenaan berkata, Think City dipilih berdasarkan penglibatan pihak berkaitan mengendalikan projek warisan dan pemuliharaan bangunan, reruang awam, pemetaan budaya secara usahasama dengan agensi lain sebelum ini.

"Think City yang juga merupakan syarikat milikan Khazanah Nasional Berhad dilihat mampu melaksana dan menguruskan projek warisan dan berkeupayaan mendapatkan pakar-pakar bagi menyediakan kajian berkaitan. Antaranya, menyediakan laporan dilapidasi, pelan pengurusan warisan, laporan penilaian tapak, kaji selidik dan lain-lain.

"Malah, Think City juga dialu-alukan untuk merujuk sambil bekerjasama dengan pakar konservasi dan sejarah serta komuniti setempat dalam menggalakkan pembangunan mapan, pelancongan warisan, ekonomi yang berdaya saing dengan tidak mengenepikan kepentingan warisan ketara juga tidak ketara," ujarnya ketika mengadakan lawatan ke lokasi berkaitan di sini baru-baru ini.

Premis milik MPPP berkeluasan (keluasan bangunan) 12,545 kaki persegi tersebut sebelum ini pernah disewakan kepada umum sejak 1956, namun sebahagian penyewanya meninggalkan lot berkenaan pada 2001, 2002, 2012 kecuali lot 100 yang masih beroperasi sebagai kedai audio sehingga kini.



**KEADAAN struktur unit bangunan di Lebuh Kimberley di sini yang memerlukan usaha pembaikpulihan.**

Langkah pemuliharaan tersebut terpaksa diambil setelah tempoh kertas kerja kemuka cadangan (RFP) yang tamat tempoh pada November 2014 menunjukkan tiada pihak yang berminat memajukan lot-lot tersebut.

Menurut Guan Eng, selaras dengan pelaksanaan tersebut, sebuah jawatankuasa ditubuhkan bagi mengurus dan meneliti projek terbabit dengan lebih teratur, terperinci dan menepati keperluan.

"Jawatankuasa ini adalah terdiri daripada agensi-agensi bukan kerajaan (NGO) yang bersedia mendengar pandangan dan maklumbalas daripada pihak awam bagi usaha terulung dan kali pertama diadakan.

"Kajian menyeluruh ini adalah sangat penting untuk menentukan kos serta mengelakkan struktur bangunan ini terus terbiar usang demi imej Tapak Warisan Dunia George Town," jelas beliau.

# AIM dilantik 'amil' zakat P. Pinang



MOHD. Salleh Man (tengah) dan Yusoff Haniff (tiga dari kiri) serta dif kehormat lain menyaksikan majlis menukar dokumen MoA Pelantikan AIM Sebagai Amil ZPP antara Dr. Azman Abdul Samat (dua dari kanan) dan Norsharizal Mashahrin (dua dari kiri) pada Majlis Tandatangan MoA Amanah Ikhtiar Malaysia Sebagai Wakil Kutipan Zakat di sini baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** – Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dilantik sebagai wakil pemungut zakat atau amil di negeri ini, selepas pemeteraian satu memorandum perjanjian (MoA) dengan Zakat Pulau Pinang (ZPP) di sini baru-baru ini.

Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man berkata, pemeteraian perjanjian itu sekaligus membolehkan AIM mendapatkan maklumat langsung berwajib mengenai hal ehwal pungutan zakat daripada ZPP sendiri.

"AIM merupakan pihak ketiga yang dilantik sebagai wakil ZPP untuk memungut zakat gaji daripada anggotanya, selepas MoU serupa yang dibuat dengan Pos Malaysia pada tahun 2007 dan ANGKASA (Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad), 2014.

"Pelantikan AIM ini akan memberi kemudahan dan keselesaan kepada semua aspek zakat, khususnya dalam kalangan ahli dan (peserta skim pinjaman mikrokredit) Sahabat AIM untuk mendapatkan maklumat zakat secara langsung daripada pegawai AIM yang dilantik sebagai wakil kutipan Zakat Pulau Pinang (ZPP)," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir pada Majlis Tandatangan MoA Amanah Ikhtiar Malaysia Sebagai Wakil Kutipan Zakat di sini baru-baru ini.

Ahli Lembaga Pengarah AIM, Datuk Yusoff Haniff turut berucap pada majlis berkaitan.

Majlis tandatangan tersebut dilangsungkan antara Pengurus Besar ZPP, Dr. Azman Abdul Samat dan Pengarah Urusan AIM, Norsharizal Mashahrin.

Menurut Mohd. Salleh, pihaknya menyeru supaya lebih banyak badan korporat tampil untuk bersama-sama melakukan kerjasama strategik dalam memungut zakat, sebagaimana dilakukan oleh AIM.

Serentak itu, Mohd. Salleh turut mengumumkan jumlah ZPP pada tahun lepas direkodkan mengutip RM82.2 juta zakat harta dan zakat fitrah (RM4.2 juta).

Dalam pada itu, Yusoff memberitahu, seramai 5,975 orang, terdiri oleh kaum wanita yang menyertai skim pinjaman mikrokredit kendalian AIM di negeri ini.

Daripada jumlah itu, jelasnya, seramai 2,300 orang Sahabat AIM berkenaan direkodkan berjaya meningkatkan pendapatan kasar bulanan melebihi RM3,500.

"Pembayar zakat daripada kalangan Sahabat AIM yang kita sasar untuk tahun ini adalah seramai 1,500 orang dulu," jelas Yusoff.

AIM merupakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang ditubuhkan 28 tahun lepas demi memartabatkan kaum wanita supaya keluar daripada hidup susah, melalui bantuan pinjaman mikrokredit dan khidmat nasihat komersial.

# Naiktaraf saliran elak banjir kilat



CHOW Kon Yeow (dua dari kiri) menjelaskan perkembangan projek menaiktaraf saliran Jalan Logan kepada Kee Phaik Cheen (tengah) ketika mengadakan lawatan tapak di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN** – Kekerapan kejadian banjir kilat yang sering melanda Jalan Logan yang terletak bersebelahan Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan (SMKP) Methodist sejak 10 tahun lalu dipercayai mampu diatasi setelah siapnya projek tebatan banjir di kawasan berkenaan hingga ke Jalan Anson di sini.

Menurut Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, projek menaiktaraf saliran tersebut adalah merangkumi pembesaran longkang sedia ada dari 0.3 meter (m) kepada 0.9m dan 1.5m lebar.

"Selepas kerja menaiktaraf dilakukan, keupayaan longkang tersebut menyimpan dan mengalirkan isipadu air dapat ditingkatkan tertutama apabila berlaku hujan lebat.

"Selain itu, projek sepanjang 360 meter ini turut termasuk inisiatif menaiktaraf kotak longkang pembentungan supaya keberkesanannya lebih efektif," jelasnya ketika mengadakan lawatan ke lokasi berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Gabenor SMKP Methodist, Datuk Kee Phaik Cheen.

Projek yang dimulakan pada Oktober 2014 dianggarkan bakal mengambil masa selama lima bulan untuk disiapkan oleh kontraktor dilantik, Kontraktor Perniagaan Kongsi Maju.

Menurut Kon Yeow, projek tersebut boleh dikatakan lebih 90 peratus siap selain pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) perlu menunggu pengalihan paip Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) bawah tanah di persimpangan Jalan Anson – Jalan Logan kini.



LALUAN pejalan kaki dan golongan cacat penglihatan yang turut dinaiktaraf.

"Projek bernilai RM 340,000 (peruntukan Caruman Saliran Negeri Pulau Pinang) ini, selain mengurangkan takungan air, ianya juga memberi manfaat terhadap laluan pejalan kaki yang turut dinaiktaraf sambil dilengkapi kemudahan laluan untuk golongan cacat penglihatan," jelas beliau.

Dalam pada itu, Phaik Cheen memberitahu, hujan lebat yang melanda di kawasan berkenaan pada awal Mac baru-baru ini menunjukkan tiada sebarang kejadian banjir kilat berlaku.

"Situasi berkenaan sedikit sebanyak menunjukkan keberkesanan projek tebatan banjir ini.

"Terima kasih diucapkan kepada pihak Kerajaan Negeri terutamanya Kon Yeow kerana bertindak cepat mengatasi masalah ini," ujar beliau.

# KM harap Tahun Kambing Kayu gagahkan ekonomi negeri



AKSI badut yang dibawa khas pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Peringkat Parlimen Permatang Pauh Bersama-Sama Komuniti Samagagah di sini baru-baru ini.

**PERMATANG PASIR** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, sambutan Tahun Baru Cina dengan kedatangan Tahun Kambing Kayu pada kali ini diharap akan terus memakmurkan ekonomi negeri.

Beliau berkata demikian pada penganjuran Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Peringkat Parlimen Permatang Pauh Bersama-Sama Komuniti Samagagah di sini baru-baru ini.

"Tahun Kambing Kayu ini membawa maksud yang sangat penting, iaitu semangat keadilan dan kesejahteraan untuk semua kita.

"Nama tempat ini pun Samagagah, maka rakyat dan Kerajaan Negeri akan kita gagahi untuk memajukan ekonomi negeri ini, dengan kita memberi tumpuan yang lebih untuk meningkatkan mutu pendidikan generasi akan datang," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam dalam ucapannya.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan memberitahu rekod Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) mendedahkan bahawa pelaburan Pulau Pinang direkodkan ketiga tertinggi di belakang Johor dan Sarawak.

Pelaburan Pulau Pinang bagi tahun 2014 direkodkan sebanyak RM8.2 bilion (RM8,162,372,366), berbanding RM3.9 bilion (RM3,912,256,265) pada tahun 2013.

"Pelaburan meningkat kira-kira 109 peratus berbanding tahun 2013," jelas beliau.

Istiadat *"yee sang"* dan *"lo hei"*, upacara memberi penghormatan kepada nenek-moyang serta persembahan pentas dengan lagu-lagu kebudayaan etnik turut dilangsungkan di depan hampir 500 tetamu.

Dinamakan sebagai Tahun Kambing Kayu adalah merujuk kepada zodiak kelapan daripada 12 zodiak dalam Kalendar Cina, yang disinonimkan dengan nilai keuntungan, kemakmuran dan pendamaian.

Tahun Kambing dikatakan membawa signifikan tersendiri, iaitu diasosiasikan dengan keadilan dan kesejahteraan dalam mendepani cabaran mendatang.

# Kembalikan kemuliaan dan maruah Melayu

Oleh: **ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Ahli Parlimen Bukit Bendera merangkap Pengarah Eksekutif Penang Institute**

**SEORANG** ahli falsafah dan juga sasterawan Sepanyol, George Santayana, pernah mengungkapkan kata-kata yang sangat masyhur: "barang siapa yang lupa sejarah akan dihukum untuk mengulangi kesilapan yang sama."

Kini, walaupun sudah hampir 60 tahun digelar merdeka, negara ini masih terjerat dalam kancah perkauman dalam segala aspek kehidupan. Tidak kiralah sama ada pertikaian itu membabitkan soal ekonomi, hak asasi, pendidikan atau sebagainya, yang pastinya ia tenggelam dalam retorik jumud perkauman.

Ambil sebagai contoh isu kenaikan harga barang yang baru-baru ini digembar-gemburkan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Dato' Sri Ismail Sabri. Segala logik dan kewarasan seolah-olah diketepikan apabila masyarakat Melayu diseru untuk memboikot perniagaan-perniagaan milik orang Cina untuk memaksa mereka menurunkan harga barang. Malah, restoran rantaian Oldtown White Coffee pula dinamakan sebagai contoh "kedai Cina" yang patut diboikot.

Apakah begitu dangkalnya hujah seorang menteri persekutuan, sedangkan beliau tahu harga barangan mustahil dikawal oleh peniaga Cina semata-mata. Dalam konteks ekonomi moden hari ini, terdapat pelbagai faktor termasuk faktor luaran seperti nilai wang ringgit yang boleh mempengaruhi harga barang. Pun begitu, tidak mungkin keseluruhan rangkaian perdagangan boleh dimonopoli oleh sesuatu kaum sahaja. Manakan bisa, khususnya apabila pelbagai barangan keperluan asas termasuk komoditi dan utiliti seperti minyak, gas, gula, beras dan kadar elektrik kesemuanya dikawal oleh Kerajaan Persekutuan. Malah, sekiranya berlaku kenaikan harga barang, berkemungkinan besar ia merupakan akibat daripada dasar Kerajaan Pusat seperti Cukai Barangan dan Perkhidmatan yang bakal diperkenalkan bulan hadapan.

Pada masa yang sama, pemangsaan mana-mana kedai juga tidak masuk akal, kerana tidak ada peniaga yang memaksa sesiapa melanggan di kedainya. Sekiranya harga yang ditawarkan tidak berpatutan, maka pengguna dengan secara sendirinya akan mencari alternatif lain. Itu dinamakan pasaran bebas!

Justeru, amat hairan sekali apabila restoran Oldtown White Coffee dinamakan oleh menteri sebagai contoh perniagaan Cina yang harus diboikot, walhal semakan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia menunjukkan bahawa Oldtown White Coffee adalah syarikat berhad yang tersenarai dalam Bursa Malaysia. Antara pemegang saham utamanya pula termasuk Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad, Amanah Raya Trustees Berhad, Maybank Nominees (Tempatan) Sdn Bhd, RHB Capital Nominees (Tempatan) Sdn Bhd, Citicorp Nominees (Tempatan) Sdn Bhd, Citicorp Nominees (Asing) Sdn Bhd dan Hong Leong Assurance Berhad. Jelas, syarikat ini dimiliki pelbagai pelabur termasuk syarikat-syarikat kaitan kerajaan yang diuruskan orang Melayu.

Maka, apakah logik semberono Menteri Ismail Sabri? Adakah ini tahap pemikiran pemimpin daripada parti yang kononnya memperjuangkan martabat bangsa? Apakah yang sudah terjadi kepada orang Melayu sehingga hujah-hujah yang jelas tidak logik boleh diterima pakai oleh kepimpinan negara?

**Jangan kerana nila setitik, rosak susu sebelangga**

Walaupun sesetengah pimpinan Melayu kini tampak kian mengarut, ia tidak seharusnya mencerminkan citra bangsa Melayu yang sebenarnya berjiwa besar. Sekiranya kita kembali mencermati sejarah, kita akan mendapati bahawa bangsa Melayu merupakan bangsa yang memiliki sifat unggul yang tidak kurang hebatnya berbanding bangsa-bangsa lain. Malah, sejarah ini sangat terserlah di negeri Pulau Pinang, di mana budaya keintelektualan telah berkembang subur pada suatu ketika dahulu.

Sebagai contoh, dari segi pemikiran, Pulau Pinang merupakan peneraju idea-idea pencerahan *(enlightenment)* atau pembaharuan *(islah)* dengan munculnya sekian banyak institusi pencetakan di negeri ini, termasuk Jelutong Press yang diterajui Tuan Guru Yusof Rawa. Malah, sebelum Perang Dunia Kedua, Pulau Pinang merupakan negeri yang memiliki jumlah mesin cetak terbanyak di Semenanjung Tanah Melayu.

Selain menerbitkan tafsir Al-Quran, akhbar, majalah dan buku-buku penting seperti *al-Ikhwan, Saudara*, dan *Hikayat Faridah Hanom*, Pulau Pinang juga menjadi pangkalan bagi ramai tokoh pemikir moden utama, antaranya Syed Sheikh al-Hadi, Ahmad Rashid Talu, Za'ba, dan Abdul Rahim Kajai.

Bukan itu sahaja, Pulau Pinang juga mempelopori sistem pendidikan moden di negara ini. Penang Free School, umpamanya, telah diasaskan pada tahun 1816 dan kini merupakan sekolah bahasa Inggeris yang pertama dan tertua di wilayah Asia Tenggara. Bahkan itu, sistem sekolah pondok juga berkembang pesat di negeri ini, sehinggakan pada tahun 1918 Syed Sheikh al-Hadi serta beberapa tokoh lain telah membina Madrasah Al-Mashoor, yang sering dirujuk sebagai sekolah pondok dengan sistem pendidikan moden pertama di negara ini.

Demikian juga halnya dalam bidang-bidang lain, Pulau Pinang telah menghadiahkan negara ini dengan ramai bakat seni dan budaya besar seperti penggubah lagu Datuk Ahmad Nawab, hero filem klasik Melayu Nordin Ahmad, Sasterawan-sasterawan Negara Dato' Nordin Hassan dan Prof Muhammad Haji Salleh (Sasterawan Negara), serta satu-satunya Seniman Agung Negara, Tan Sri P Ramlee.

**Di mana silapnya?**

Meskipun mewarisi tradisi keilmuan dan kebudayaan yang begitu masyhur, bangsa Melayu kini seolah-olah menjadi bangsa yang paling rapuh di negara ini. Jika Perhimpunan Agung Umno dan Utusan Malaysia dijadikan rujukan, maka orang Melayu ini adalah masyarakat yang tidak mampu bersaing, tidak mandiri dan tidak percaya diri. Apakah yang sebenarnya berlaku dalam 60 tahun terakhir ini sehinggakan bangsa yang begitu terbilang boleh melandai ke tahap serendah ini?

Pada hemat saya, kemorosotan bangsa ini ada kaitannya dengan sebab yang sangat mendasar, iaitu cara fikir atau cara pandang alam yang makin hari makin terkepung akibat kawalan dan pengaruh daripada pihak pemerintah.

Serongnya pandangan alam ini telah bermula seawal tahun 1968, apabila Pergerakan Pemuda Umno Malaysia menubuhkan badan yang dinamakan Jawatan Revolusi Mental. Hasil daripada usaha jawatankuasa ini, terbitlah buku *Revolusi Mental* pada tahun 1971 yang kononnya bermatlamat untuk merubah sikap, perangai dan pemikiran orang Melayu agar menjadi bangsa yang berdaya saing, terpuji dan mampu berdiri sendiri.

Cita-cita yang diuar-uarkan gagasan Revolusi Mental ini sememangnya sesuatu yang amat mulia. Namun, harus diingat bahawa usaha memajukan kaum Melayu ini tidak dimulakan oleh Umno. Sebetulnya, ia pernah diikhtiarkan oleh tokoh-tokoh awal seperti Abdullah Munshi melalui karya terkenalnya *Kisah Pelayaran Ke Kelantan* (1838) dan *Hikayat Abdullah* (1849). Antara tokoh lain yang juga pernah menyumbang ke arah kemajuan pemikiran kaum Melayu adalah Sheikh Tahir Jalaludin, Syed Sheikh al-Hadi, Abdul Rahim Kajai, Za'aba, Dr Burhanuddin al-Helmy dan ramai lagi.

Namun, apa yang membezakan *Revolusi Mental* dengan karya tokoh-tokoh terdahulu adalah cara pandangnya terhadap keperibadian Melayu yang sangat menghina dan meremehkan bangsa. Malah, *Revolusi Mental* telah dikritik hebat oleh Syed Hussein Alatas dalam bukunya Siapa yang Salah, Sekitar *Revolusi Mental dan Keperibadian Melayu* (1974).

Menurut Syed Hussein, buku yang dianggapnya sesat pemikiran dan penuh penyelewengan akademik itu banyak memperlecehkan keperibadian kaum Melayu dengan mengatakan bahawa kaum Melayu itu mewarisi tidak kurang 17 sifat buruk termasuk kurang rasional, kurang realistik, kurang imaginasi, boros, tidak menghargai masa dan takut mengambil risiko. Hujah-hujah untuk menyokong kenyataan ini pula sangatlah lemah dan banyak berdasarkan pandangan peribadi semata-mata.

Selain itu, *The Malay Dilemma* (1970) karya Tun Dr Mahathir Mohamad juga cenderung mengajukan hal yang sama, bahawa kemunduran kaum Melayu itu disebabkan perwatakannya yang dibentuk oleh iklim persekitaran. Menurut Mahathir, Melayu menjadi kurang rajin dan tidak produktif akibat keadaan hidupnya yang selesa dan tenteram di atas bumi yang subur serta tidak dilanda bencana alam yang dahsyat sebagaimana di China dan India.

Hujah penentuan iklim (climate determination) ini merupakan teori yang sudah lama ditolak oleh para akademik arus perdana kerana menafikan sifat paling asas manusia, iaitu kemampuannya untuk beradaptasi serta kapasiti akalnya untuk berfikir. Namun begitulah cara pandang alam pemimpin Umno mengenai bangsanya sendiri.

Kecelaruan fikiran ini bukan sahaja menunjukkan Umno tidak mempunyai suatu gagasan yang jelas untuk memajukan Melayu, malah hujah-hujah mereka ini sebenarnya menghina dan meremehkan bangsa yang kononnya diperjuangkan mereka.

**Ayuh menggapai kemenangan**

Sekarang tiba masanya kita membebaskan diri daripada jerat politik perkauman dan cengkaman minda terkepung hasutan pemerintah Umno. Ayuh kita menggapai kemenangan dan memajukan diri dan bangsa kita dengan merubah cara pandang alam kita dengan minda dan hati terbuka.

Marilah kita mulakan usaha untuk menghubungkan kembali ingatan masyarakat dengan kemasyhuran kebudayaan yang pernah tumbuh dan berkembang subur dalam kalangan umat kita. Sebagaimana tokoh-tokoh Melayu yang berjiwa besar dahulu, saya yakin kita dapat membina kembali kemandirian dan kepercayaan diri.

Lebih penting sekali, kita harus sedar bahawa kita tidak perlu menyekat orang lain demi meningkatkan diri – itu cara terdesak golongan yang rakus dan mabuk kuasa. Yakinilah, kita boleh berkembang dan mencapai kemenangan secara bersama dengan rakyat Malaysia yang lain.

Bersama-samalah kita mengembalikan kemuliaan dan maruah Melayu!

Serambi PENANG INSTITUTE making ideas work



BERSAMA-sama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) setempat mengagihkan buah limau di Pasar Tanjung Bunga sempena sambutan Tahun Baru Cina baru-baru ini.



ZAIRIL Khir Johari (kanan) merakam gambar kenangan dengan Ahli Parlimen Bukit Mertajam pada hari pertama Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Ketiga Belas di Parlimen baru-baru ini.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| AIR PUTIH<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| PANTAI JEREJAK<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| PERAI<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 399 6689 |
| PADANG KOTA<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| BATU MAUNG<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| BAGAN JERMAL<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| BATU LANCHANG<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
Timbalan Ketua Menteri I merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerajak, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna merangkap ADUN Batu Maung), Soon Lip Chee (ADUN Jawi merangkap pengarah kejohanan) dan Datuk Shah Headan Ayoob Hussain Shah (ADUN Teluk Bahang) turut hadir pada majlis perasmian pembukaan kejohanan tersebut.

Hadir sama, Pengurus Besar PYDC, Teng Kok Liang serta Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail.

Selain menyempurnakan majlis perasmian, Guan Eng serta tetamu kehormat lain turut menyerahkan jersi kepada kesemua wakil 16 pasukan yang bertanding pada musim liga kali ini.

Difahamkan, 16 pasukan yang akan merebut kejuaraan semusim mulai bulan Mac hingga Mei depan ini adalah Sungai Burung FC, Barat Daya, JKKK Simpang Empat, Bayan Baru FC, Sungai Ara FC, T Birds, OSR FC, Synergy FC, Za Teluk Bahang FC, Kelab Sukan Teluk Bahang, Penang Chinese Sports Club, MPPP, Eagle Club, Pen-Mutiara, Batu Maung dan Sungai Batu.



**ABDUL Malik Abul Kassim (barisan depan, tiga dari kanan) sambil ditemani Soon Lip Chee (barisan depan, dua dari kanan) menyerahkan jersi kepada salah sebuah pasukan yang bertanding pada Kejohanan Liga Bola Sepak Piala PYDC Peringkat Daerah Barat Daya di sini baru-baru ini.**



**SHAH Haedan Ayoob Hussain Shah (barisan depan, dua dari kanan) sambil ditemani Ketua Menteri diberi penghormatan menyerahkan jersi khas PYDC kepada pasukan pilihan, ZA Teluk Bahang FC.**



# Misteri tumbuhan eksotik cabar penerokaan Azhar

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**


AZHAR Abd. Rahman memetik buah tin yang telah masak.


ANAK-anak pokok tin yang disemai.

**TERUJA!** Pokok tin atau nama saintifiknya, *Ficus Carica* boleh hidup di Malaysia.

Bagi pengusaha, Azhar Abd. Rahman, 39, yang melihat potensi pasaran tumbuhan tersebut di dalam negara telah mendorong beliau mencabar dirinya untuk mengusahakan ia.

Melalui maklumat asas yang diperoleh melalui internet, Azhar berjaya mengenalpasti kolektor yang berpangkalan di Kuala Lumpur.

Selepas menghubungi individu berkaitan, Azhar memperoleh 20 (benih) anak pokok dan beberapa ilmu asas penjagaan tumbuhan yang kebiasaannya hanya ditemui di negara-negara Timur Tengah dan Asia Timur.

"Saya ambil masa kira-kira enam bulan untuk betul-betul memahiri sifat anak pokok tin yang dibeli tahun lalu dalam lingkungan harga RM180 hingga RM350 daripada kolektor di Bukit Antarabangsa, Kuala Lumpur.

"Disebabkan tidak mahir, empat daripada anak pokok yang dibeli telah mati.

"Saya banyak belajar dari internet. Agak susah juga, kerana pokok tin adalah pokok yang 'manja'. Proses penyesuaian medium (jenis tanah yang digunakan untuk menanam) adalah penting kerana secara umumnya, cuaca bukan faktor penghalang,'' katanya kepada Skuad Jalan-jalan Buletin Mutiara yang kelihatan begitu teruja untuk mengetahui rahsia tumbuhan yang dipercayai memiliki pelbagai khasiat bermanfaat untuk kesihatan manusia.

Menganggapnya sebagai tanaman kesihatan, Azhar menyatakan bahawa terdapat empat campuran medium khas untuk memastikan pertumbuhan pokok tin iaitu tanah, pasir, sekam padi dan kompos buatan beliau sendiri.

Malah, anak-anak pokok juga memerlukan kelembapan yang cukup (disiram dua kali sehari iaitu pada jam 7 pagi dan 5 petang), cahaya dan kandungan serta teknik pembajaan yang betul iaitu 100 peratus baja organik yang dihasilkan sendiri olehnya.

Azhar yang merupakan bekas jurutera di salah sebuah sebuah kilang perusahaan tidak menafikan bahawa beliau terpaksa melayan pelbagai 'karenah' pokok tin yang kini ditanam di sekitar kawasan rumahnya membabitkan kawasan kira-kira seluas 1/4 ekar.


BUAH tin jenis *Panache Tiger* yang mana keistimewaanya adalah permukaan ia yang berjalur.

"Saya tidak putus asa, malah, terus belajar dan hasilkan anak daripada baka-baka berlainan *variety* (jenis).

"Kini, terdapat kira-kira 60 *variety* (jenis) anak pokok tin di sini iaitu yang berbeza pada rasa dan saiz buah serta daunnya. Antara spesies-spesiesnya, *Violet de Bordeaux Fig, LSU Purple Fig, Dauphine Japan Fig, Kapota Fig* dan lain-lain.


BUAH tin yang dipotong dan sedia untuk dijamu.

"Terbaru, saya dalam proses cuba tanam jenis pokok (tin) paling mahal dari Sepanyol, *Multinenca Rimada* yang mana pada hujung buahnya mampu mengeluarkan madu,'' ujarnya yang menetap di Kampung Tun Sardon, Penanti, Seberang Perai Tengah (SPT).

Mengulas lanjut, Azhar yang dikurniakan empat cahaya mata menyatakan bahawa terdapat dua jenis pasaran anak pokok tin di Malaysia iaitu komersial dan untuk baka *(collection)*.


DAUN buah tin yang dijadikan 'teh'.

"Malah, berasaskan fakta kesihatan yang dipercayai dapat menurunkan tekanan darah tinggi, pokok tin kini mulai ditanam di rumah-rumah sebagai amalan pemakanan secara berterusan.

"Selain khasiat buahnya (harga pasaran tempatan, RM80 sekilogram), daun pokok tin selepas dijemur, dapat diminum sebagai 'teh' dengan hanya merendamkan ia di dalam air panas - sebagai pengubat penyakit diabetes. ,Harum baunya!

"Buat masa kini dan menerusi strategi pemasaran *facebook*, tempahan anak-anak pokok adalah meliputi dari Sabah dan Sarawak. Bagi proses penghantaran ke sana (Sabah dan Sarawak), saya akan buat bungkusan penghantaran khas,'' jelas beliau yang juga dikenali sebagai penternak kucing spesies Bengal.


SALAH seekor anak kucing spesies Bengal yang dipelihara.

Bagi perancangan masa depan, Azhar yang kini turut meneroka misteri tumbuhan eksotik, *Finger Lime* ingin memperbesarkan ladang sedia ada.

"Perancangan adalah pada tahun depan dan kini masih dalam proses mengenalpasti lokasi yang sesuai.

"Selain itu, adalah menjadi harapan untuk mempelbagaikan lagi pengeluaran produk buah tin kepada jus dan jem,'' ulasnya yang kini memiliki kira-kira 400 pokok tin.

Tambah Azhar, ekoran pengeluaran yang terhad kini, beliau tidak menumpukan kepada pemasaran buah tin, sebaliknya banyak bersedekah terutamanya kepada ibu-ibu mengandung yang mengidam.

Kepada mereka yang ingin mencuba, beliau akan membekalkan medium diperlukan bagi memastikan anak pokok yang dijual pada harga RM100 ke atas dapat 'hidup'.

"Yang susah cuma pada peringkat awal, apabila batang pokok jadi berkayu, ia (pokok) dapat hidup berpuluh tahun lamanya,'' kata beliau yang sebelum ini tidak pernah berminat dalam bidang pertanian.

**INFO :**
**013 - 480 4022**
**FB :** ***silver art bengal***

# Fokus IKRAM *Islah* demokrasi – Ir. Jamaluddin Abdullah

**SABITAN** bersalah ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 10 Februari lepas di Mahkamah Tinggi Persekutuan turut mendapat reaksi langsung daripada Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM).

Sambil melahirkan rasa simpati kepada keluarga Ahli Parlimen Permatang Pauh berkenaan, Presiden IKRAM, Ustaz Dr. Mohd. Parid Sheikh Ahmad dalam kenyataannya pada 12 Februari lepas menasihatkan rakyat supaya bersabar untuk menegakkan kebenaran dalam proses demokrasi tanah air ini.

"IKRAM berharap rakyat terus bersabar dan meneruskan perjuangan menegakkan keadilan dan kebenaran.

"IKRAM ingin memperingatkan bahawa segala kebenaran akan digambarkan oleh Allah Subhanahu wa Taala di Mahkamah Agung-Nya di mana tiada apa yang boleh disembunyikan," jelas Dr. Mohd. Parid.

Kenyataan tersebut menggamit perhatian banyak pihak, sehingga ada yang bertanya, apakah IKRAM ini adalah sebuah pertubuhan politik?

Ikuti wawancara wartawan akhbar Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB** dengan Yang di-Pertua IKRAM Pulau Pinang, Ir. Jamaluddin Abdullah, 50, (JA) di pejabatnya di sini baru-baru ini.

**BM : Adakah IKRAM ini sebuah pertubuhan politik?**

**JA :** Bukan pertubuhan politik, tapi sebuah NGO dakwah, tarbiyyah dan kebajikan.

IKRAM ini adalah pertubuhan yang prihatin dengan kehidupan bermasyarakat, sejajar dengan cara hidup Islam, berlandaskan kepada Al-Quran, as-Sunnah, Ijmak dan Qias.

IKRAM ini ditubuhkan pada 22 Oktober 2009, dengan keahlian kira-kira 5,500 di peringkat nasional, yang mana mereka ini terdiri daripada pelbagai pertubuhan, antaranya, Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM), Musleh, Aqsa Syarif, *Medical Interest Group* (MIG), Majlis Syura Muslimun (MSM) UK dan Ireland (kini dikenali IKRAM UKE) dan Persatuan Islam Lepasan Institusi Pengajian Tinggi Australasia (AUSIS).

Di Pulau Pinang, kita ada 652 ahli IKRAM sekarang.

Dato' Mohd. Rashid Hasnon (Timbalan Ketua Menteri I), Mohd. Tuah Ismail (Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri Pulau Betong), Mohd Bakhtiar Wan Chik (Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang, MPPP) merupakan antara ikon pertubuhan-pertubuhan yang saya sebutkan tadi, kini, mereka aktif dalam organisasi parti politik dan Kerajaan Negeri di Pulau Pinang.

Seorang lagi, Syed Ibrahim Syed Noh di Selangor, iaitu bekas Badan Bebas Pemantau Pilihan Raya Malaysia (MAFREL) pun kini menyertai sebuah parti politik di Selangor.

IKRAM dianggap sebagai pertubuhan politik mungkin kerana ada begitu ramai bekas ikon pertubuhan-pertubuhan tersebut kini aktif dalam wadah politik.

Bagaimanapun, IKRAM sehingga kini secara langsung menyertai MAFREL.

Ini, berdasarkan (resolusi) kita, iaitu "berjuang melalui proses demokrasi dengan pendekatan aman serta menolak sebarang bentuk keganasan", yang diluluskan dalam Dewan Perwakilan Nasional (DPN) pada bulan Disember tahun lepas.

**BM : Adakah reaksi kepada isu Anwar Ibrahim ini berpijak pada resolusi DPN ini?**

**JA :** Sebelum Anwar ke penjara lagi pun, IKRAM telah menyertai MAFREL kerana komitmen kita dalam memulihkan sistem demokrasi ini.



IR. Jamaluddin Abdullah.

Ini amalan Islam sebagaimana dalam firman Allah S.W.T. yang bermaksud: "*...Dan sekiranya Allah tidak menolak (keganasan) sebahagian manusia dengan sebahagian yang lain, tentulah telah dirobohkan biara-biara Nasrani, gereja-gereja, rumah-rumah ibadah orang Yahudi dan masjid-masjid, yang di dalamnya banyak disebut nama Allah...*" [Surah Al-Hajj: 40]

Inilah, maksud "semak dan imbang", inilah *Islah* (pemuliharaan) demokrasi.

IKRAM mahu terus berperanan sebagai NGO yang bebas (serta menjadi) agen semak dan imbang kepada semua pihak, tanpa mengira ideologi politik.

Sebagai contoh, IKRAM baru-baru ini memberi nasihat secara langsung kepada seorang pemimpin Kerajaan Negeri untuk memberi nasihat berhubung pandangan salah *non-Muslim* dalam isu kewajipan wanita Islam memakai tudung.



SEMASA diwawancara wartawan akhbar BM di pejabatnya baru-baru ini.

Yang paling penting bagi IKRAM adalah Malaysia terus aman, menjunjung syiar Islam serta memulihkan sistem demokrasi yang lebih sihat dan adil, sebagaimana dijamin dalam Perlembagaan Malaysia, walaupun kita rakyat majmuk.

**BM : Selain usaha memulihara sistem demokrasi, apa lagi aktiviti IKRAM?**

**JA :** Dari segi dakwah, IKRAM melalui *Hidayah Centre* giat melaksanakan dakwah kepada *non-Muslim* di Pulau Pinang ini.

Selain itu, kita ada juga buat *Street Dakwah* dengan kerjasama beberapa NGO lain, serta Pejabat Exco Hal Ehwal Agama Islam (Dato' Abdul Malik Abul Kassim).

Kita juga ada mengadakan beberapa majlis penerangan mengenai keindahan Islam.

Majlis penerangan (NGO) ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia) mengenai status qazaf dalam isu Datuk Seri Anwar Ibrahim pun, kita (IKRAM) sertai baru-baru ini di Pulau Pinang.

Usrah, *muqayyam* (perkhemahan), *ijtimak* (perhimpunan ahli), majlis ilmu, *qiyammullai*l (membangunkan malam dengan ibadah), *daurah* (program latihan) antara tarbiyyah IKRAM untuk membentuk jatidiri ahli.

Kebajikan, macam misi bantuan banjir ke Kalantan, kita buat baru-baru ini. Selain itu, kita anjur Bingkisan Ramadan untuk fakir miskin, program membela OKU (orang kurang upaya) dan banyak lagi.

Kita juga ada program pendidikan, iaitu Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Al-Itqan di Teluk Kumbar.

Satu lagi, Sekolah Tahfiz Arab Al-Islah di Tasek Gelugor.

Nak sertai IKRAM mudah, hanya isi borang pertubuhan sahaja atau datang ke pejabat pertubuhan di NO. 21, Tingkat 2, Lorong Kelasah 1, Taman Kelasah dekat Seberang Jaya.

**BM : Sebagai akhir, apa harapan IKRAM khususnya di Pulau Pinang?**

**JA :** Sebagai NGO dakwah, kita berharap suatu peruntukan daripada bukan sumber zakat boleh disalurkan kepada IKRAM untuk membantu pembangunan pendidikan dan dakwah kami, sebagaimana yang selalu dibincangkan dengan wakil Kerajaan Negeri.

Sesungguhnya, IKRAM senantiasa berusaha untuk mendaulatkan Islam di Malaysia pada tahun 2020, iaitu Islam sebagai *rahmatulil'alamin* (Rahmat Ke Seluruh Alam).

Sebab itu, IKRAM begitu komited dalam memulihkan sistem demokrasi tanah air supaya lebih sihat dan adil.

Kita sangat memahami realiti Pulau Pinang yang majmuk, dan akan terus berusaha untuk mendidik masyarakat mengenai keindahan nilai Islam yang sebenar melalui pendekatan dakwah, tarbiyyah dan kebajikan.

**BIODATA:**
**Ir. Jamaludin Abdullah, merupakan Jurutera Perunding Profesional merangkap Pengarah Urusan Ilham Jurutera Sdn. Bhd.. Beliau sudah berkeluarga dan mempunyai tujuh cahaya mata. *"Amal Islami,* buat baik dengan semua orang" merupakan prinsip hidup personaliti dakwah berkenaan.**

# Jangan ponteng kerja, nasihat YDP MPSP

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA** – Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata, semua kakitangan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan digesa supaya meningkatkan kualiti mutu perkhidmatan, sebagaimana diimpikan pelanggan Seberang Perai.

"Saya ada menerima aduan daripada Ahli Majlis dan orang awam bahawa kakitangan MPSP ada yang tidak menjalankan tugas dengan baik, ponteng kerja atau kerja tidak mengikut SOP.

"Rakyat senantiasa memberikan harapan kepada kita yang dipilih menjadi warga kerja MPSP, jadi tingkatkan mutu pelanggan.

"Kita, MPSP bukan sahaja memberi anugerah kepada kakitangan yang berkualiti dalam perkhidmatan, tetapi, turut mengambil tindakan disiplin secara tegas terhadap mereka yang tiada komitmen dalam memberi perkhidmatan diimpikan pelanggan kita di Seberang Perai ini," ujarnya pada Majlis Perhimpunan Korporat MPSP di perkarangan Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.



MAIMUNAH Mohd. Sharif (depan, kanan sekali) ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Perhimpunan Korporat MPSP di sini baru-baru ini.



SEBAHAGIAN kakitangan MPSP yang hadir.

Maimunah turut mendedahkan statistik kakitangan yang dikenakan tindakan disiplin, sebagai respons pada sebuah akhbar berbahasa Cina baru-baru ini, yang melaporkan bahawa kakitangan MPSP bekerja sambil lewa.

"Pada tahun 2014 sahaja, MPSP telah mengambil tindakan terhadap 28 kes, di mana 23 tindakan (menyamai) 82 peratus adalah kerana ketidakhadiran bertugas tanpa sebab.

"Manakala, pada tahun 2015, sebanyak tiga kes telahpun diambil tindakan dan ketiga-tiga kes adalah (atas sebab) ketidakhadiran bertugas," tegasnya di depan kira-kira 300 kakitangan MPSP.

Dalam perkembangan lain, Maimunah memberitahu bahawa Bahagian Pengaduan Awam MPSP pada tahun 2014 menerima sebanyak 12,632 aduan dan 11,964 (aduan) telahpun diselesaikan.

Sehingga 28 Februari tahun ini, jelasnya, sebanyak 2,122 aduan diterima dan 68 peratus berjaya diselesaikan.

"Saya menyeru semua kakitangan berwajib supaya mengambil tindakan mengikut piagam pelanggan yang telahpun ditetapkan di jabatan masing-masing, tidak kira aduan itu melalui saluran mana sekalipun," seru beliau.

Pada perhimpunan tersebut, Maimunah mengulangi komitmen MPSP untuk meningkatkan pendapatan serta mengurangkan kos operasi PBT berkenaan.

Anggaran pendapatan dan perbelanjaan dalam Bajet MPSP bagi tahun 2015 masing-masing adalah berjumlah RM212,388,684 dan RM243,836,559, dengan defisit kira-kira RM30,447,875.

"MPSP senantiasa berusaha meningkatkan pendapatan serta mengurangkan kos operasinya, kita (MPSP) sasar kutipan hasil pada hujung tahun ini adalah sebanyak RM213,39 juta," ujar beliau.

## Beri kerjasama kajian Imej Baru Butterworth



SUASANA ketika berlangsungnya Majlis Mesyuarat Biasa Majlis di sini baru-baru ini.



SESI cabutan bertuah pemenang pelanggan yang telah melangsaikan keseluruhan cukai pintu untuk tahun ini.

Oleh : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA** – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru-baru ini mengumumkan pelancaran program geran dan pelaksanaan kajian asas komuniti dengan kerjasama Think City Sdn. Bhd. (Think City) di sini.

Pelancaran tersebut adalah bertujuan mewujudkan momentum penjenamaan semula pusat bandar Butterworth di bawah program Imej Baru Butterworth (IBB), iaitu sebuah projek diusahakan MPSP untuk memperbaiki alam bina dan persekitaran bandar bagi menjana semula aktiviti ekonomi di sini.

Menurut Yang di-Pertuanya, Dato' Maimunah Mohd. Sharif, bermula dari akhir Februari sehingga akhir Mac 2015, setiap perniagaan organisasi dan kediaman di pusat bandar berkaitan akan dikaji oleh salah seorang daripada 16 pembanci terlatih.

"Mereka (pembanci) akan bertanyakan soalan asas mengenai jenis perniagaan, kekosongan peluang pekerjaan, bilangan pekerja dan populasi. Malah, pandangan masyarakat setempat berhubung cara memperbaiki kawasan Butterworth akan turut diperoleh.

"Oleh itu, saya menggesa semua penduduk untuk memberikan sokongan penuh dan kerjasama kepada kaji selidik yang akan dijalankan," katanya selepas Majlis Mesyuarat Biasa Majlis di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud dan Pengarah Perkhidmatan Perundingan Geografi Sdn. Bhd. (Malaysia), Dr. Matt Benson.

Dalam pada itu, Benson memberitahu, data kajian yang diperoleh kelak bakal membantu Kerajaan Negeri memahami keperluan masyarakat dan pandangan pihak berkaitan dalam membaiktambah kawasan berkenaan.

"Maklumat berkaitan penggunaan tanah dan penduduk akan membantu dalam keputusan berkenaan pelaburan dan pemantauan perubahan.

"Hanya maklumat asas akan dikumpulkan dan tiada maklumat berkaitan pendapatan atau butiran peribadi akan diperoleh...semua data akan kekal sulit," tambah beliau yang telah menjalankan kajian serupa di George Town dan Kuala Lumpur sebelum ini.

Difahamkan, laporan kaji selidik yang diperoleh dijangka diterbitkan pada akhir bulan Mei ini dan sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada, Think City di talian 04 – 261 3146.

Sementara itu, pada sidang media sama, MPSP turut mengumumkan senarai 50 pemenang cabutan bertuah bagi pelanggan yang telah melangsaikan keseluruhan cukai pintu untuk tahun ini.

Semua pemenang akan dihubungi pihak MPSP dan majlis penyerahan hadiah akan dimumkan kelak.

## MPPP bakal atur forum jelas isu 'penerokaan' bukit

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **CHAN LILIAN**



DR. Lim Mah Hui (kiri) bersalaman dengan S. Sukumar selepas ucapan penangguhan Mesyuarat Biasa Majlis di Dewan Bandaran di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** – Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) belum memutuskan tarikh sebenar untuk mengadakan forum awam bersama rakyat dalam membincangkan isu penerokaan bukit seperti mana yang diminta wakil 25 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) baru-baru ini.

Yang di-Pertua MPPP, Dato' Patahiyah Ismail berkata, tarikh sebenar forum tersebut belum diputuskan lagi.

"Kita perlukan sedikit masa sebelum forum tersebut boleh dilaksanakan.

"Ini kerana, Majlis perlu menyediakan data dan maklumat terperinci berhubung perkata tersebut seperti mana yang diminta pihak berkaitan (NGO).

"Saya akan serahkan perkara ini untuk diuruskan oleh Jabatan Kejuruteraan secepat mungkin.

"Kemungkinan ia akan diadakan pada tahun ini (2015) juga," ujarnya ringkas ketika disoal berhubung gesaan NGO bagi mengadakan forum awam tersebut selepas Majlis Mesyuarat Biasa Majlis di sini baru-baru ini.

Terdahulu, seramai 25 NGO antaranya Sahabat Alam Malaysia (SAM), Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), *Malaysian Nature Society* (MNS) telah menggesa MPPP agar mengadakan satu forum terbuka bagi menjelaskan isu penerokaan bukit di Pulau Pinang.

Ahli Majlis MPPP, Dr. Lim Mah Hui ketika membacakan kenyataan NGO tersebut semasa ucapan penangguhan Mesyuarat Biasa Majlis baru-baru ini berkata, forum tersebut penting bagi menjawab kebimbangan pihak-pihak tertentu berhubung penerokaan bukit yang disifatkan semakin berleluasa kini.

"Mereka (NGO) minta MPPP dedahkan senarai projek pembangunan komersial atau untuk tujuan pertanian termasuk yang diceroboh secara haram.

"Selain itu, perlu diperjelaskan dalam forum ini ialah senarai kawasan bukit yang sudah atau sedang dibersihkan ketika ini, selain langkah-langkah yang diambil oleh Majlis dalam memantau aktiviti tersebut," ujar beliau.

# GST ke atas MPSP dalam semakan - YDP

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA** – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dianggarkan terpaksa memungut RM1.7 juta daripada pelanggan Seberang Perai susulan penguatkuasaan enam peratus Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) mulai 1 April ini, manakala, kos perolehan yang bakal ditanggung sendiri oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan adalah kira-kira RM4.96 juta.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif bagaimanapun berkata, dokumen anggaran kadar baru bagi perkhidmatan serta perolehan berwajib tersebut telahpun dihantar kepada Kerajaan Negeri untuk semakan lanjut sebelum dikuatkuasakan oleh agensi Persekutuan.

"Perkhidmatan, contohnya, parkir letak kereta, (sewa tapak) pasar, kompleks penjaja, sewaan bunga dan sebagainya.

"Perolehan, contohnya, kita (MPSP) dapat kontrak membeli barang, ada enam peratus (GST) di situ, perkhidmatan kontraktor pun akan kena enam peratus (GST) di situ.

"RM1.7 juta anggaran (daripada sumber) perkhidmatan ini kita (MPSP) terpaksa kutip daripada pelanggan untuk (diserahkan kepada) Kastam (Diraja Malaysia) dan RM4.96 juta anggaran daripada perolehan kita (MPSP) sendiri kena bayar (kepada Kerajaan Pusat)," jelas Maimunah pada sidang media di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian, selepas merasmikan Majlis Penghargaan Pesara 2015 dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kakitangan 2014 di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Penolong Penguatkuasa Direktorat MPSP, Norazah Idris yang ditemui kemudian turut melahirkan rasa gembira kerana tersenarai sebagai salah seorang penerima Anugerah Khidmat Cemerlang Kakitangan MPSP bagi tahun 2014.

"Selepas bekerja dalam setahun lebih macam itu dan bulan November ini cukup dua tahun, inilah pertama kali saya dapat anugerah ini.

"Tentulah gembira dan berasa semakin bersemangat kerana tahu bahawa mutu kerja yang berkualiti akan dihargai oleh majikan (MPSP)," ujar beliau kepada Buletin Mutiara.



MAIMUNAH Mohd. Sharif (tiga dari kanan) menyampaikan Sijil Penghargaan Pencen kepada bekas Pengarah Kejuruteraan MPSP, Kamaruddin Che Lah (berkerusi roda) pada majlis penyampaiannya di sini baru-baru ini.



PENGARAH Kemasyarakatan MPSP, Wan Junaidy Yahya (dua dari kiri) turut menerima sijil penghargaan atas komitmen dalam perkhidmatan beliau.




NORAZAH Idris.

# Hotel tak berlesen, tindakan terhadap pengusaha

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **MARK JAMES**

**GEORGE TOWN** – Pengusaha-pengusaha hotel yang tidak memiliki lesen diseru agar mendapatkan permit sementara sebelum layak dipertimbang untuk mendapatkan lesen penuh, ujar Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow di sini baru-baru ini.

Katanya, pengusaha hotel mempunyai tempoh hingga Ogos 2015 bagi membuat permohonan tersebut melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) ataupun Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Menurut Kon Yeow, daripada 181 premis hotel, hanya 156 premis sahaja yang menjalankan operasi dengan permit sementara, bakinya, bercanggah dengan Pelan Dasar Perancangan dan Kawalan Pemajuan MPPP dan terdapat hotel yang tidak dapat dikenalpasti.

"Kita memandang serius peningkatan bilangan hotel-hotel yang beroperasi tanpa lesen di negeri ini.

"Walaupun tempoh pemutihan yang panjang diberikan dari 15 Mac hingga 30 September 2014, namun ianya kurang mendapat sambutan dalam kalangan pengusaha tidak berlesen.

"Oleh demikian, kita (Kerajaan Negeri) telah mengkajinya dan bersetuju memberi lebih had masa dan ruang mencukupi kepada program pemutihan hotel tanpa lesen ini agar ia diselesaikan mengikut fasa tanpa impak negatif terutamanya terhadap industri pelancongan negeri," ujarnya pada sidang media baru-baru ini di sini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng, ADUN Pengkalan Kota, Lau Keng Ee dan Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik.

Kon Yeow memberitahu, walaupun PBT tidak mempunyai kuasa menutup hotel-hotel yang didapati menyalahi undang-undang, tindakan masih boleh diambil terhadap pengusahanya.

"Mereka (pengusaha) perlu memohon permit sementara ini terlebih dahulu dan memohon lesen penuh sebelum 31 Oktober 2015.

"Jika tidak, pengusaha berkaitan bakal berdepan tindakan penguatkuasaan dan saman.

"Lesen penuh hanya boleh dipohon dengan mengemukakan pelan bangunan kepada Majlis dalam tempoh enam bulan," tegas beliau.

# ADUN galak ekspresi seni perspektif sejarah

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: **ADUN JAWI**



HASIL lukisan mural Jambatan Lama Nibong Tebal.



SOON Lip Chee (dua dari kanan) membuat sentuhan terakhir sebagai simbolik penyempurnaan mural di Taman Seri Bayu di sini baru-baru ini.

**JAWI –** Setiap pengunjung yang meluangkan masa beriadah di taman rekreasi Taman Seri Bayu di sini pasti akan tertarik dengan seni lukisan dinding atau lebih dikenali sebagai mural yang terdapat di situ.

Mural menggambarkan Jambatan Lama Nibong Tebal yang bersejarah itu dilukis oleh 11 pelajar hasil pimpinan guru, Chong Kong Fook dari salah sebuah sekolah di sini.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, seni mural dan arca sering mencuri tumpuan terutama pencinta seni lukisan.

"Namun malangnya, kebanyakan hasil seni ini terpampang di lokasi tumpuan seperti di pekan-pekan besar dan jarang dijumpai di kawasan-kawasan rekreasi atau taman perumahan.

"Oleh itu, kita mengambil inisiatif menggalakkan pelajar untuk mengekspresikan hasil seni masing-masing di sini terutama membabitkan perspektif sejarah pekan Nibong Tebal sebagaimana dihasilkan sebelum ini," jelas beliau.

Sebelum ini, pada tahun 2013, Lip Chee juga pernah merasmikan sebuah arca yang mempunyai nilai setempat di taman sama.

Jelasnya, Jambatan Lama Nibong Tebal dipilih sebagai tema utama mural kerana ia penuh dengan sejarah.

"Jambatan lama telahpun dirobohkan, tetapi ia sangat penting dalam ingatan penduduk di Nibong Tebal," ujarnya yang mengimbau kembali sejarah berkaitan.

## *Ang pow* sebagai penghargaan

**MUHIBBAH...** Hampir 1,000 penduduk berbilang bangsa setempat memeriahkan penganjuran Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Kawasan Dewan Undangan (KADUN) Jawi yang berlangsung di Gelanggang Bola Keranjang Perkampungan Jawi di sini baru-baru ini.

Majlis anjuran Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee tersebut membuktikan bahawa politik perkauman yang dibawa pihak tertentu ditolak apabila masyarakat tanpa mengira kaum dan agama hadir bagi sama-sama meraikan perayaan berkaitan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng turut hadir sebagai tetamu jemputan khas pada majlis berkenaan.

Turut hadir, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Law Heng Kiang (Exco Pembangunan Pelancongan), Azmi Samsudin (Pegawai Penyelaras KADUN Sungai Acheh) dan dua ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Loh Joo Huat dan H'ng Mooi Lye.

Pada majlis itu, para tetamu dihidangkan dengan pelbagai juadah termasuk masakan Melayu. Malah, Lip Chee turut mengagihkan *ang pow* kepada kanak-kanak dan warga emas yang hadir.



SOON Lip Chee (tengah, berbaju tradisional merah) mengedarkan *ang pow* kepada golongan kanak-kanak dan warga emas yang hadir pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina KADUN Jawi di sini baru-baru ini.

## Tambah buku perpustakaan lahirkan generasi inovatif

Oleh : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



(Dari kiri), SHARIMAH Salleh, Prof. Dr. P. Ramasamy, Teh Lai Heng dan Safirol Iman membelek sebahagian buku yang dibeli pihak pengurusan Perpustakaan Siber Ilmu Komtar menggunakan sumbangan yang disumbangkan ADUN berkaitan di sini baru-baru ini.

**KOMTAR –** Sejumlah RM5,000 disumbangkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng kepada pihak pengurusan Perpustakaan Siber Ilmu Komtar sebagai usaha menambah koleksi buku di sini baru-baru ini.

Majlis penyerahan sumbangan yang disempurnakan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy tersebut adalah sebagai sebahagian inisiatif untuk memupuk minat membaca dalam kalangan penduduk sekitar sini.

Menurut ADUNnya, pendekatan tersebut adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri melalui bajet yang dibentangkan tahun lalu iaitu untuk meningkatkan taraf pendidikan di Pulau Pinang, selaras dengan peningkatan ahli perpustakaan sedia ada.

"Serentak itu, saya perhatikan pihak pengurusan perpustakaan awam Komtar juga sentiasa berusaha memperbanyakkan koleksi bukunya, terutamanya buku berbahasa Inggeris," katanya selepas majlis penyerahan koleksi buku hasil inisiatif beliau kepada pengarah perpustakaan, Sharimah Salleh di sini baru-baru ini.

Turut hadir, ADUN Air Itam merangkap Setiausaha Politik Ketua Menteri, Wong Hong Wai dan Penghulu Kawasan Tanjung, Safirol Iman.

Daripada jumlah keseluruhan sumbangan diterima, sebanyak 168 buku adalah dibeli khas termasuk buku Sejarah, Geografi, Fiksyen, Biografi, Sains Komuniti dan lain-lain bagi memenuhi keperluan perpustakaan berkaitan.

Tambah Lai Heng, sumbangan tersebut diharap dapat menjadikan Perpustakaan Siber Ilmu Komtar sebagai pusat inovasi, memenuhi kehendak Kerajaan Negeri dalam melahirkan masyarakat yang pintar dan inovatif di negeri ini.

"Saya berharap sumbangan ini dapat menarik perhatian orang ramai untuk memupuk semangat rajin membaca.

"Budaya membaca dan keperluan untuk mencipta perkara-perkara baru yang inovatif harus menjadi budaya masyarakat di semua peringkat, tidak kira usia, bangsa, agama dan status ekonomi," seru beliau.

# ADUN gesa rakyat bersemangat seperti DSAI


DR. Afif Bahardin (depan, lima dari kanan) dan Nurul Nuha Anwar (depan, bertudung kuning) menyempurnakan upacara *lou sang* pada penganjuran Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina KADUN Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA** – Rakyat Pulau Pinang digesa supaya tidak berputus asas, sebaliknya menggandakan usaha memulihara sistem demokrasi berperlembagaan, sungguhpun Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim (DSAI) diheret ke penjara pada 10 Februari lepas.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata demikian pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Peringkat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seberang Jaya.

"Kita nak semua rakyat yang berbilang kaum di sini dapat hidup sama-sama, cari makan sama-sama, boleh tinggal sama-sama dan amalan budaya kaum masing-masing sama-sama.

"Sebagai ADUN (Ahli Dewan Undangan Negeri Seberang Jaya), saya sendiri akan memastikan semangat perubahan akan terus kekal bersama-sama semangat Datuk Seri Anwar Ibrahim," jelasnya pada majlis yang dilangsungkan di Gelanggang Bola Keranjang Akira di sini baru-baru ini.

Anak Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Nuha Anwar serta Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Amir Mohd. Ghazali turut berucap pada majlis tersebut.

# 500 pengunjung meriahkan rumah terbuka Island Glades

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**


R.S.N. Rayer (dua dari kiri) menyambut kedatangan warga-warga emas ke majlis keraian anjuran beliau.

**SERI DELIMA** – Sudah menjadi tradisi kedatangan Tahun Baru Cina disambut meriah serta penuh tradisi bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Tionghua, tetapi juga seluruh lapisan masyarakat di Malaysia.

Bagi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer, kedatangan tahun Kambing disambut meriah dengan penganjuran Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina di Island Glades di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh yang turut meluangkan masa meraikannya bersama kira-kira 500 pengunjung.

Suasana penuh warna-warni dengan hiasan 300 tanglung dan pelbagai persembahan kebudayaan termasuk tarian singa.

Kemuncak sambutan pastinya pemberian '*ang pow*' kepada tetamu cilik yang hadir.

"Suasana beginilah yang perlu dikekalkan, walaupun berlainan bangsa dan agama, kita sama-sama bekerja keras agar dapat hidup dalam rukun dan harmoni," kata Rayer yang turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada pengunjung yang hadir.


SEBAHAGIAN tetamu cilik menunjukkan *ang pow* yang diterima pada penganjuran Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina di Island Glades di sini baru-baru ini.

## Ralat Pengarang:

**TERBITAN** Buletin Mutiara edisi Februari 16 - 28, 2015 bertajuk, Semua perlu kesedaran jaga persekitaran - ADUN

Terdapat kesilapan fakta pada perenggan ketiga.

Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) yang terlibat adalah JKKK Jalan Pasar dan bukannya JKKK Lebuh Chulia sebagaimana dilaporkan.

Segala kesilapan dan kesulitan dihadapi pihak berkaitan adalah amat dikesali.

Sekian, terima kasih.

## Bakat Si Cilik - Mewarna 2.0




Sila isi butiran berikut:

Nama : ____________________

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ____________________

Alamat: ____________________

____________________

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ____________________

No. Telefon : (Rumah) ______________ (Bimbit) : ______________

Emel: ____________________

Terma & Syarat Peraduan:

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari 1 Mac 2015 hingga 31 Julai 2015.
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**Pertama: RM200**
**Kedua: RM150**
**Ketiga: RM100**
**20 Hadiah Saguhati**